



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Sabtu, 11 Disember 2021

Bil. 1(h)/2020

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Mengenai:

PEROLEHAN KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA BAGI TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

1. Kementerian Pertahanan

- i. YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad
- ii. Encik Mohammad Abiddin bin Abd Rahman
- iii. Encik Amiruddin bin Ahmad Kamal
- iv.

2. Tentera Laut Diraja Malaysia

- i. Laksamana Pertama Azuwan bin Harun
- ii. Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah

3. Boustead Heavy Industries Corporation Berhad

- i. Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf

4. Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd.

- i. Encik Low Kok Chiang
- ii. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat

PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT ARWANA, LIMBUNGAN BOUSTEAD NAVAL SHIPYARD
MARKAS TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA, PANGKALAN LUMUT**

SABTU, 11 DISEMBER 2021

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]	- <i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]	
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	
YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]	
YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut]	
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]	

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]	
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]	
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]	
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]	
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]	
YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]	
YB. Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]	
YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin	- <i>Setiausaha</i>

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas) Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]

Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkifli [Juruaudit Seksyen Jawatankuasa Pilihan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]

Cik Fatin Izzati binti Mohd Radzi [Jurubahasa Serentak Kanan II, Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat]

HADIR BERSAMA

Jabatan Peguam Negara

Tuan Allauddin bin Mohd Tahir [Peguam Kanan Persekutuan]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Puan Suriati binti Samsudin [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan)]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Kementerian Kewangan**

Encik Zainudin bin Suleiman [Timbalan Setiausaha Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat]

Jabatan Audit Negara

Datuk Nor Salwani binti Muhammad @ Mat [Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)]

Puan Norliza binti Md. Nuruddin @ Nordin [Pengarah Bahagian Audit Kewangan IV, Sektor Audit Kewangan]

Encik Dr. Mohd Daniel bin Mohd Nassir [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Audit Kewangan IV, Sektor Audit Kewangan]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Siti Mariam binti Mat Noh [Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Puan Hamidah binti Aziz [Pegawai Siasatan (Bahagian Siasatan)]

Encik Mazery bin Mohd Zaini [Pegawai Siasatan (Bahagian Siasatan)]

Puan Khusyaini Adhillah binti Mat Aripin [Pegawai Siasatan (Bahagian Siasatan)]

Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri

Datuk Yatimah binti Sajiman [Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral)]

Encik Baidilleh bin Ghazali [Pengarah Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam]

Encik Khairil Wari bin Abd Rani [Timbalan Pengarah (Pertahanan) Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam]

Encik Jeffery bin Yahya [Ketua Penolong Pengarah (Pertahanan) Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Pertahanan**

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)]

Encik Mohammad Abiddin bin Abd Rahman [Setiausaha Bahagian Perolehan]

Encik Amiruddin bin Ahmad Kamal [Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan]

Tentera Laut Diraja Malaysia

Laksamana Pertama Azuwan bin Harun [Asisten Ketua Staf Perancangan Pembangunan]

Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah [Asisten Ketua Staf Kejuruteraan]

Boustead Heavy Industries Corporation Berhad

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf [Ketua Pegawai Eksekutif]

Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd.

Encik Low Kok Chiang [Ketua Pegawai Operasi]

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [Pengarah Program Littoral Combat Ship]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEEMPAT

Sabtu, 11 Disember 2021

**Bilik Mesyuarat Arwana, Limbungan Boustead Naval Shipyard,
Markas Tentera Laut Diraja Malaysia, Pangkalan Lumut**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.05 pagi

*[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Selamat sejahtera, selamat pagi dan selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Naib Pengerusi PAC; Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen Ke-14. Selamat datang juga saya ucapkan kepada semua ex-officio Parlimen yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Audit Negara, Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Akauntan Negara dan Unit Perancang Ekonomi (EPU). Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada hari ini di Limbungan Kapal Boustead Naval Shipyard, Markas Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia, Lumut.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, sebelum saya meneruskan prosiding ini, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada pihak MinDef dan juga BNS kerana dapat menyediakan logistik bagi membolehkan prosiding ini diadakan di sini. Ini merupakan kali pertama kita mengadakan prosiding di luar Parlimen dan lebih menarik lagi, selepas prosiding ini, kita akan melawat subjek prosiding iaitu kapal LCS yang dibina oleh BNS untuk TLDM.

Prosiding hari ini juga adalah prosiding ketujuh PAC dalam isu perolehan enam kapal LCS TLDM bernilai RM9 bilion di bawah Kementerian Pertahanan. Isu perolehan kapal LCS ini dilaporkan dalam LKAN 2019 (Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan) yang dibentangkan kepada PAC pada 5 November 2020.

PAC kemudian bersetuju memulakan prosiding berhubung isu ini dengan memanggil KSU MinDef iaitu Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abd Aziz pada 18 November 2020. Setelah mendengar Yang Berbahagia Dato' KSU, PAC kemudian memanggil Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang, Pengerusi Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) pada 1

Disember 2020 bagi membentangkan penemuan jawatankuasa tersebut terhadap perolehan kapal LCS.

Maksudnya, dalam isu ini, selain daripada Laporan Ketua Audit Negara, pada tahun 2018 pun ada laporan daripada Jawatankuasa Siasatan yang diketuai dan dipengerusikan oleh Tan Sri Ambrin Buang.

Lanjutan daripada maklumat yang diperolehi, PAC kemudian memanggil Pasukan Projek LCS (PPLCS) pada 16 Disember 2020. Pada 29 Julai 2021, PAC telah mendengar penjelasan dan penerangan daripada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar, mantan Panglima Tentera Laut. Pada 27 September 2021, PAC sudah mendengar penerangan dan penjelasan daripada syarikat berkaitan kapal LCS iaitu Boustead Naval Shipyard yang diwakili oleh Yang Berusaha Encik Low Kok Chiang selaku Ketua Pegawai Operasi syarikat berkenaan.

Prosiding keenam diadakan pada 25 Oktober yang lepas, lebih kurang enam minggu yang lepas. Jawatankuasa ini mendengar keterangan dan penjelasan daripada Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi iaitu mantan Menteri Pertahanan.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hadir di hadapan PAC pada pagi ini adalah Yang Berbahagia Datuk Dr. Shahrizat binti Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MinDef yang mewakili Ketua Setiausaha MinDef; Yang Berusaha Encik Mohammad Abiddin bin Abd Rahman, Setiausaha Bahagian Perolehan MinDef; Yang Berusaha Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf, Ketua Pegawai Eksekutif BNS; dan Yang Berusaha Encik Low Kok Chiang, Ketua Pegawai Operasi BNS.

Jadi, dengan latar belakang tersebut dan tanpa membuang masa, saya ingin meneruskan prosiding ini dengan menjemput Yang Berusaha TKSU MinDef dan juga CEO BNS untuk memberikan status terkini mengenai perolehan dan pembinaan kapal LCS dan selepas itu kita akan mengadakan lawatan ke tapak tempat kapal LCS dibina.

Sekian daripada saya. Dipersilakan Yang Berusaha TKSU MinDef. Dipersilakan Datuk.

Datuk Dr. Shahrizat binti Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertahanan]: Terima kasih, Yang Berhormat selaku Pengerusi PAC. Yang Berhormat Dato' Seri sebagai Naib Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga ahli-ahli ex-officio Jawatankuasa PAC dan juga kepada [*Tidak jelas*] yang dilantik bagi sesi prosiding pagi ini.

Terlebih dahulu, saya bagi pihak Dato' Sri Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan ingin menyampaikan salam dan memohon maaf bahawa beliau tidak dapat hadir disebabkan urusan rasmi yang telah ditetapkan lebih awal. Namun

begitu, saya sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) yang juga menyelia secara terus aktiviti projek ini akan hadir dan menjawab.

Sebagaimana yang dipohon oleh Yang Berhormat Tuan Pengerusi tadi untuk saya memaklumkan berkaitan status perolehan LCS ini, ingin saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini pada pagi ini bahawa di pihak MinDef, status pelaksanaan dan status pembayaran masih kekal sebagaimana yang dilaporkan dalam prosiding sebelum-sebelum ini.

Namun begitu, untuk tujuan prosiding kali ini, Yang Berhormat, mungkin berfokus, Yang Berhormat, untuk melihat kepada isu-isu berkaitan dengan kapal dan sebagainya. Maka mungkin saya serahkan kepada rakan saya, Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf untuk status selanjutnya.

■0910

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Datuk TKSU. Sebelum saya ingin menjemput Encik Sharifuddin, mungkin saya hendak dapatkan sedikit *update* ataupun serba sedikit daripada pihak MinDef. Kita di PAC, kita dimaklumkan bahawa pada bulan Mei atau bulan Jun, ada satu keputusan daripada Kabinet yang telah pun menyatakan beberapa syarat berkenaan dengan penerusan pembinaan kapal LCS ini oleh BNS.

Saya hendak dapatkan kepastian daripada pihak MinDef, sama ada selepas mesyuarat Kabinet tersebut, ada mana-mana mesyuarat Kabinet yang telah pun buat keputusan lanjut ataupun membuat keputusan yang lain berbanding dengan keputusan pada bulan Mei atau bulan Jun berkenaan dengan beberapa syarat yang telah pun ditetapkan ke atas BNS?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Untuk makluman, isu berkaitan perolehan LCS ini telah dimasukkan— atau kalau saya katakan yang terkini. Terkini yang dibentangkan dalam Kabinet adalah kekal pada 7 Mei 2020 yang lalu. Jemaah Menteri pada ketika itu telah membuat beberapa ketetapan utama yang mana *coordination* di sini antaranya adalah supaya projek ini diambil alih oleh BTS or Boustead Technology selain daripada BNS. Syarikat Boustead Technology juga akan *raise the financing about RM4 billion* untuk penerusan projek ini. Sekiranya tidak berupaya *raise the funds*, maka kita akan melaksanakan *way forward* yang lain.

Untuk makluman Ahli-ahli PAC, saya rasa dalam bulan yang lepas, Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah pun membuat kenyataan kedudukan semasa bajet di bawah Kementerian Pertahanan. Sekarang ini kami dalam proses untuk menyediakan satu lagi Memorandum Jemaah Menteri untuk menyatakan hala tuju terbaharu berkaitan dengan penerusan projek perolehan LCS ini. Untuk makluman semua, ia dijangka akan dibentangkan dalam Jemaah Menteri— kami menyasarkan

pada tahun ini juga. Kami dimaklumkan Jemaah Menteri hanya akan bersidang pada hari ini atau satu... *[Tidak jelas]* sahaja lagi. Kami menyasarkan pada... *[Tidak jelas]*

Tuan Pengerusi: MJM itu belum siap lagi di peringkat MinDef?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Di pihak MinDef, kami telah pun menyiapkan draf MJM tersebut tetapi belum dikemukakan lagi kepada Bahagian Kabinet. Kami ada lagi sedikit masa. Maka MJM itu akan dibutirkan lagi dengan input-input yang lain.

Tuan Pengerusi: Mungkin selepas MJM tersebut dibentangkan ke Kabinet dan sekiranya ada apa-apa keputusan terkini, minta pihak MinDef untuk maklumkan dengan segera kepada pihak PAC.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Ya, pasti.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Dengan itu, saya menjemput pihak CEO untuk memberikan penjelasan dan juga pembentangan pada pagi ini. Dipersilakan.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf [Ketua Pegawai Eksekutif Boustead Heavy Industries Corporation Berhad]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum and good morning to everyone.* Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Parlimen Malaysia; Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi PAC; Yang Berhormat Dato' Seri Panglima Hajah Azizah, Naib Pengerusi PAC; Ahli-ahli Parlimen; Yang Berbahagia Datuk Dr. Shahrazat, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.

With me today, I have Kepten Azhar dan juga Encik Low Kok Chiang daripada pihak Boustead. Kepten Azhar akan memberi taklimat secara terperinci tetapi ingin saya mengambil kesempatan ini untuk memberi *overview* terhadap apa yang kita telah buat di Boustead.

Pertama sekali, selamat datang sekali lagi ke Boustead Naval Shipyard di Lumut. Kami memang berbesar hati dapat bersama-sama PAC pada pagi ini.

Pelbagai faktor menyumbang kepada reputasi BNS sebagai limbungan kapal tentera yang diberikan kepercayaan membina dan membaik pulih kapal-kapal dalam armada TLDM. Ini termasuklah kedudukan strategik BNS bersebelahan dengan pangkalan TLDM dan di Selat Melaka, sebuah laluan maritim yang strategik, kemudahan dan infrastruktur yang ada di sini serta kakitangan berpengalaman, terlatih dan berkemahiran tinggi.

BNS juga telah menjalin hubungan yang akrab dengan TLDM, Kementerian Pertahanan, pelbagai agensi-agensi kerajaan, para pemain industri pertahanan, keselamatan dan marin dan juga dengan banyak pihak berkepentingan yang lain. Semua ini memberikannya kelebihan sebagai limbungan kapal tentera terunggul di Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian, antara kapal-kapal yang telah dibina oleh BNS termasuklah kapal peronda pesisir (*offshore patrol vessel*) dan kapal misi litoral (*littoral mission ship*) ataupun LMS. Di samping kepakarannya membina kapal, BNS juga merupakan limbungan kapal pakar dalam memberikan perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan pengolahan ataupun *maintenance, repair dan overhaul* (MRO) kapal-kapal TLDM termasuklah kapal selam Scorpène kelas Perdana Menteri buatan Naval Group daripada Perancis. Aset-aset ini menjadi teras armada TLDM yang dipertanggungjawabkan untuk memantau perairan dan memelihara kedaulatan maritim negara.

Jadi, menggariskan reputasinya, BNS diberikan kontrak bernilai RM9 bilion pada tahun 2010 oleh Kerajaan Malaysia untuk membina enam buah kapal perang *littoral combat ship* (LCS). LCS yang berkuasa tinggi ini bakal berupaya menjalankan misi empat dimensi iaitu permukaan air, dalam air, udara dan elektronik. Apabila siap kelak, ia akan meningkatkan kekuatan dan reputasi TLDM sebagai satu tentera laut yang berwibawa dengan aset moden yang membolehkannya menjalankan tanggungjawabnya memelihara kedaulatan maritim negara dan perairan ibu pertiwi daripada ancaman musuh.

Walaupun projek LCS telah tergendala dari tahun 2018, BNS dan BHIC bangga dengan pencapaian yang dibuat setakat ini. LCS1 iaitu Maharaja Lela dinamakan dan dilancarkan pada 24 Ogos 2017. Ini disusuli oleh Majlis Peletakan Lunas ataupun *Keel Laying Ceremony* untuk LCS2 pada 28 Februari 2017, LCS3 pada 18 Disember 2017 dan LCS4 pada 31 Oktober 2018.

Projek LCS ini merupakan satu projek yang besar dan rumit. Kepten Azhar *will explain in detail* apa perbezaannya antara LCS dengan kapal-kapal yang lain yang kita pernah buat dahulu berdasarkan ciri *first in class* kapal ini.

Setiap peringkat projek ini dari reka bentuk ke pembinaannya melibatkan rakyat tempatan dalam pelbagai aktiviti bertambah nilai dan kemahiran tinggi. Ini termasuk reka bentuk kapal, kejuruteraan, pembuatan komponen tahap tinggi dan integrasi sistem.

Projek ini juga memberikan peluang kepada banyak syarikat tempatan untuk terlibat dalam usaha yang kompleks sebegini. Kerja-kerja syarikat tempatan ini lebih kurang ada *about* 400 buah syarikat dan mempunyai tahap pekerja *up to about* 8,000 orang.

Di bawah program pembangunan vendor ataupun *vendor development programme* kendalian BNS, beberapa buah syarikat tempatan telah mendapat peluang keemasan untuk terlibat dalam projek berkepentingan nasional ini. Ini memberikan pendedahan yang berharga untuk menimba pengalaman dan

meningkatkan tahap kemahiran kakitangan mereka selain daripada membangunkan perniagaan mereka.

Melalui projek ini serta program VDP, BNS dan BHIC memainkan peranan penting dalam membantu memenuhi beberapa aspirasi nasional. Ini termasuklah mencapai *self-sufficiency* dan meningkatkan penglibatan rakyat tempatan dalam sektor pertahanan serta menggalakkan kandungan tempatan atau *local content* dalam industri pertahanan.

■0920

Objektif-objektif ini digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan ataupun *Defence White Paper* yang dibangunkan oleh Kementerian Pertahanan dan dibentangkan di Parlimen pada bulan Disember 2019.

Di samping itu, projek LCS menzahirkan pelbagai kesan positif ataupun *multiplier effect* daripada segi sosioekonomi. Ini termasuklah membangunkan sumber manusia terlatih dan meningkatkan kemahiran serta kepakaran rakyat tempatan seperti yang dihasratkan oleh Kerajaan Malaysia untuk mentransformasikan ekonomi Malaysia melalui aktiviti ekonomi berpendapatan tinggi.

Projek LCS juga membantu TLDM merealisasikan matlamat Program Transformasi 15 ke 5 ataupun *Transformation Program 15-to-5*. LCS merupakan salah satu daripada lima buah aset TLDM dalam program yang bermatlamat mengurangkan kelas aset-aset TLDM daripada 15 ke lima bagi membentuk armada yang *fit for purpose* yang disegani.

Walaupun dengan kelas aset yang lebih kecil, TLDM akan berupaya memenuhi segala tuntutan tugasannya sebagai sebuah unit perang yang berkebolehan serta tentera laut yang moden, cekap, tangkas dan berwibawa. Dengan aset yang ada di dalam armadanya sekarang semakin dimamah usia, *on average* di sekitar 30 tahun, semakin tinggi kos pembaikan serta pengurusan logistik dan semakin kurang keupayaan berperang mereka.

TLDM terpanggil untuk berfikir di luar kotak untuk menjana proses *phasing out* aset-aset ini dan memperkenalkan rancangan penggantian asetnya melalui *the 15-to-5 Transformation Program*. Dalam konteks ini, terserlahlah kepentingan projek LCS untuk membuka lembaran sejarah yang baharu dalam meningkatkan kapasiti serta tahap kebolehan armada TLDM.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: *Chairman.*

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Saya rasa ada dalam slaid itu, bukan?

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *The details* nanti ada, *on the project management...*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Kenapa tidak *run the slide together* dengan ini? Supaya kita dapat lihat— sebab slaid yang *you* bentang itu, ada dalam ini. Saya tengok dalam ini. Jadi, kalau boleh diterangkan sekali, dapat semua boleh tengok.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *There are some details* yang *may not be mentioned* dalam slaid ini *but it is okay, I will contribute as and when the slide comes out.* Okey?

Tuan Pengerusi: Okey, sila.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Jadi, saya akhiri saya punya *opening speech* di sini. Sekali lagi, saya mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada Ahli-ahli PAC dan kita *look forward* untuk menunjukkan kapal-kapal kita pada pagi ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Selepas ini sama ada BNS hendak menjemput Kepten Azhar? Ya, sila.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [Pengarah Program Littoral Combat Ship, Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd.]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi PAC; Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan Pengerusi PAC; Ahli-ahli Parlimen yang saya hormati, *members of PAC* dan juga *ex-officio*.

Tuan Pengerusi: *Captain, maybe you can move the mic slightly closer to you. Thank you.*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Tidak dengar, ya?

Tuan Pengerusi: Ya.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Untuk memberi gambaran yang lebih jelas ataupun pemahaman kepada forum pada pagi ini, saya memohon untuk mengimbau serba sedikit atau secara ringkas sejarah penubuhan limbungan ini.

Limbungan BNS pada asalnya dibangunkan dan dibina pada tahun 1984 bersama pembangunan pangkalan TLDM di Lumut dengan kos asal pembinaan RM650 juta dengan keluasan 42 hektar. Pada tahun 1991, limbungan ini telah diperbadankan sebagai Naval Dockyard Sdn. Bhd. dengan kekuatan staf seramai 724 orang. Empat tahun kemudian pada tahun 1995, limbungan ini telah diswastakan sebagai PSC Naval Dockyard di mana bilangan staf telah bertambah tiga kali ganda kepada 1,718 orang.

Dalam tempoh tersebut, ada kontrak pembinaan kapal telah dianugerahkan kepada syarikat iaitu pembinaan *new generation patrol vessel* oleh kerajaan, di mana

syarikat PSC Naval Dockyard telah mengalami masalah untuk melaksanakan kontrak pembinaan tersebut. Lanjutan daripada keadaan situasi tersebut, BNS telah diambil alih oleh Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan ia telah dijenamakan semula sebagai Boustead Naval Shipyard pada tahun 2005.

Itu adalah serba sedikit sejarah ringkas penubuhan dan juga objektif atau matlamat penubuhan syarikat Boustead Naval Shipyard.

Secara umumnya saya cuba tekankan di sini, penubuhan limbungan BNS ini pada dasarnya, pada prinsipnya adalah untuk memberi perkhidmatan khusus kepada Tentera Laut Diraja Malaysia dan pembinaan dan juga lokasinya juga dipilih secara strategik untuk berada di dalam kawasan yang bersama dengan pangkalan TLDM di Lumut. Itu adalah satu perkara asas yang perlu kita *always* ingatlah. Ia bukannya satu syarikat yang lebih menjurus kepada kepentingan komersial atau lebih kepada membuat keuntungan ya. Ia lebih menjurus kepada memberi perkhidmatan strategik kepada pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia.

Seterusnya, serba sedikit maklumat lebih terperinci berkenaan perjanjian *privatisation* pada tahun 1995 di mana ia diambil alih oleh PSC, ada satu buah konsortium yang diketuai oleh PSC dengan pecahan konsortium tersebut, *shareholding*, di sudut sebelah kiri atas itu, [*Merujuk kepada slaid pembentangan*] yang saya tunjukkan di slaid.

Juga komitmen daripada konsortium tersebut di mana konsortium telah membayar kepada kerajaan berjumlah RM300 juta sebagai satu *investment* ataupun pelaburan daripada pihak konsortium. Sebagai timbal balas kepada obligasi kerajaan ialah untuk syarikat ini diberi kontrak pembinaan kapal berjumlah 27 buah, dipanggil *patrol vessel*, dan juga beberapa buah obligasi lain seperti untuk keperluan *maintenance* ataupun kesengsaraan kapal secara berkala untuk kapal-kapal TLDM.

Status semasa untuk obligasi *Privatisation Agreement* di pihak kerajaan tersebut, 12 *patrol vessel contract* telah dianugerahkan kepada syarikat dalam bentuk enam NGPV yang telah disiapkan. Manakala enam lagi itu ialah LCS yang sedang kita berbincang ataupun bicarakan pada forum pagi ini.

Seterusnya, saya ingin memberikan sedikit perbandingan kepada...

Tuan Pengerusi: Kepten, sebelum kita teruskan. Status ini 12 PVs *awarded*, enam NGPV seperti yang akan dipaparkan nanti dan yang enam lagi ialah LCS. Di sini ada menyatakan 15 PVs *have yet to be awarded*. *What does it mean?* Apakah maksud ia ada 15 lagi yang belum lagi di-*award*?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ia berbalik kepada obligasi daripada pihak kerajaan dalam Perjanjian Penswastan tadi pada tahun 1995 itu. Makna, kerajaan punya obligasi untuk menganugerahkan kontrak pembinaan kapal 27 buah *patrol vessels*. Daripada 27 buah itu, setakat ini 12 telah dianugerahkan. So, kami

daripada pihak syarikat mengambil pemahaman yang *in the future*, pada masa akan datang, 15 lagi *patrol vessels* akan dianugerahkan kepada syarikatlah dari segi kontak pembinaan berdasarkan Perjanjian Penswastaan tersebut. Itu maksudnya ya, Tuan Pengerusi.

■0930

Tuan Pengerusi: Okey. Cuma, saya ada sedikit kekeliruan atau tidak begitu faham berkenaan dengan rasional *Privatisation Agreement* ini. Sama ada pihak MinDef boleh bantu atau tidak? Pada tahun 1995, apa yang berlaku sehingga ada satu *Privatisation Agreement* yang mana bagi saya yang penting di sini adalah komitmen daripada kerajaan untuk memberikan kontrak ataupun award sebanyak 27 projek pembinaan kapal kepada BNS. Ya, sila, Datuk.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, berkaitan dengan 27 buah kapal dan kontrak *Privatisation Agreement* ini, benda ini telah pun dimasukkan secara jelasnya dalam Jawatankuasa Siasatan yang telah dilaksanakan oleh Tan Sri Ambrin Buang pada tahun 2019. Telah ada dibuat keterangan dan sebagainya.

Untuk makluman, pada ketika itu, Perjanjian Penswastaan itu adalah melibatkan Kementerian Kewangan jugalah sebab ia melibat satu syarikat milik Kementerian Kewangan. Akan tetapi, untuk penjelasan lanjut, Tuan Pengerusi, berkaitan perkara ini, saya mohon untuk mengemukakan secara bertulis. Namun begitu, secara keterangan lanjutnya telah ada dalam Laporan Jawatankuasa Siasatan berkaitan penswastaan, begitu juga dengan kapal dan sebagainya. Namun, jika ditanya berkaitan dengan 15 *PVs yet to be awarded*, Tuan Pengerusi, itu ingin saya kemukakan secara bertulis setelah saya dapat maklumat lebih lanjut.

Tuan Pengerusi: So, maksudnya pada sebelum tahun 1995, ia merupakan satu *government-owned company or half*? Sebelum tahun 1995.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Itu pun saya rasa sebelum tahun 1995, itu adalah syarikat milik Kementerian Kewangan Diperbadankan. Akan tetapi, Tuan Pengerusi, untuk keterangan yang lebih telus dan tepat, Tuan Pengerusi, saya mohon untuk mengemukakan secara bertulis.

Tuan Pengerusi: Datuk, jika boleh, kerana *I think* prosiding ini akan memakan sedikit masa, sekiranya Datuk boleh *check* dengan staf-staf yang ada. Saya faham Datuk adalah memang masih baru dalam MinDef.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Betul.

Tuan Pengerusi: Boleh *check* dengan staf-staf dan mungkin sekiranya sempat, dalam mesyuarat ini juga nanti Datuk boleh beri sedikit penjelasan. Okey?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Boleh, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila sambung. Ya, sila, Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *Back to slide* tadi, Kepten Azhar. *A rights granted not revived since year 2017, does that mean* sudah *guarantee* kah atau *award* yang disebut sudah *lapse* kah atau— apa maksudnya di situ?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Isu *rights granted* ini, ia telah ditamatkan oleh pihak kerajaanlah untuk *rights* itu diberikan kepada syarikat BNS di mana kita telah membuat rayuan dan permohonan baharulah. Sehingga kini, ia masih tidak dianugerahkan balik kepada pihak BNS dan ada cadangan-cadangan baharu daripada pihak kementerianlah untuk ia diubah dalam bentuk komitmen yang lain bergantung pada prestasi syarikat dan juga keupayaan syarikat. Ini di mana kita berpandangan ialah hala tuju yang baik dan juga *win-win* untuk kedua-dua belah pihak.

Jadi, ia masih dibincangkan dan dirunding bersama kemelut yang ada sekarang ini dengan isu keupayaan dan juga, *you know, confident* pihak kerajaan atau kementerian kepada keupayaan syarikat. Ia masih dibincangkan lagi. Akan tetapi, kami akur dan faham, ia bukanlah satu yang boleh diberikan secara *direct* atau automatik kerana ia melibatkan komitmen dan juga reputasi kerajaan dalam mentadbir urus kepentingan negara, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. So, boleh sambung, Kepten.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Okey, sebagai memberi gambaran yang lebih jelas apakah itu LCS yang sering diperkatakan atau dibincangkan secara hangat di media massa dan secara umum, kalau sebelah kiri itu kita tengok [*Merujuk pada slaid pembentangan*]. Itulah kapal yang telah disiapkan oleh BNS pada tahun 2010 untuk enam buah yang pertama. Kumpulan pertama. Ukuran 91 meter dengan sesaran ataupun *displacement* iaitu 1,850 tan berbanding dengan kapal generasi kedua ini, *second generation patrol vessel* yang diklasifikasikan sebagai *littoral combat ship (LCS)*. Ia jauh lebih besar dan lebih panjang dengan daya keupayaan *combat* dan peperangan yang lebih mantap dan juga besar ya, di mana kapal LCS mempunyai keupayaan empat dimensi seperti yang dinyatakan iaitu permukaan, bawah permukaan air, atas udara dan juga satu lagi, elemen elektronik. Perbandingan yang juga saya tunjukkan dalam jadual di bawah itu daripada segi kos setiap kapal, *design* dan *class of ship* itu seperti yang saya nyatakan tadi.

Cuma, saya *highlight* warna kuning untuk siri nombor 5 itu, Tuan Pengerusi, yang mana *construction* atau *approach* pembinaan untuk dua projek ini telah diambil secara berbeza. Di mana untuk LCS ini, keenam-enam kapal dibina di dalam negara mengguna pakai tenaga kerja anak watanlah berbanding NGPV dulu di mana dua buah kapal dibina di Jerman, di *Germany*, manakala baki empat buah kapal itu kemudiannya dibina di Malaysia.

Juga, tempohnya adalah lebih kurang sama iaitu selama 10 tahun. Cuma, saya ada letak itu nota di mana ia telah tertakluk kepada *extension of time* masa dalam rundingan dan perbincangan dengan kerajaan buat masa ini.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sebelum itu, boleh saya tanya sikit?

Tuan Pengerusi: Ya, sila, Yang Berhormat Sik.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Yang Berhormat, ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Kepten Azhar ya. Adakah Kepten bersetuju bahawa kaedah *construction approach* yang berbeza ini dan juga dengan akses ini adalah punca yang mungkin menjadi faktor utama kita lewat dalam proses LCS ini?

Maksudnya, jika kita buat NGPV dahulu, kita bina dua buah dahulu di *Germany*, jadi kita maknanya *copy paste* dari situ, kita buat lagi empat buah di Malaysia dan menyebabkan ia dapat dibuat dengan lancarlah ya. Akan tetapi, apabila kita bawa kaedah baharu, maksudnya *all in Malaysia*, jadi, adakah betul kerana itulah punca kita telah lewat dalam proses kita menyiapkan LCS itu? Setuju atau tidak?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Yang Berhormat, saya tidak boleh kata bersetujulah atas kenyataan Yang Berhormat tadi kerana kita berpandangan dan berpendapat yang projek ini telah berjalan seperti yang dirancang pada awal-awalnya dahulu.

Juga, isu pembinaan enam buah kapal di Malaysia ini juga adalah sebagai salah satu usaha penambahbaikan kepada *approach* ataupun tatacara yang telah kita buat pada kumpulan yang pertama. Jadi, apabila kita pergi kepada kumpulan kedua, mestilah ada satu elemen penambahbaikan atau penambah nilai di dalam tatacara yang kita cuba laksanakan di mana kita mahu membangunkan keupayaan industri tempatan ya, di mana kesemua kapal itu dibina di Malaysia sejak kapal yang pertama lagi.

Mungkin kenyataan itu boleh dipandang sebagai satu pandangan atau pendapat tetapi, bagi saya, jikalau Yang Berhormat tengok, mungkin lepas ini, kita boleh turun ke lapangan dan melihat sendiri apa yang telah kita hasilkan ya. Di mana kapal yang pertama telah kita lancarkan pada tahun 2017. Jadi, ia bukanlah satu yang tidak menjadi kenyataan atau gagal secara keseluruhannya. Ia satu kapal yang telah direka bentuk dan dibina dan dilancarkan pada tahun 2017.

■0940

Justeru, saya tidak boleh menyatakan bersetujulah yang tatacara pembinaan enam buah kapal secara terus di Malaysia adalah punca utama kepada kelewatan yang kita hadapi buat masa ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]: *Chairman, can I ask?*

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sebelum Yang Berhormat Sabak Bernam, saya jemput Naib Pengerusi. Lepas itu, Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Terima kasih, Yang Berhormat *Chairman*. Saya hendak bertanya Kepten. Difahamkan daripada prosiding terdahulu bahawa antara punca utama kelewatan ini adalah disebabkan oleh *design* kapal-kapal yang tidak didapati dan lama sangat untuk mendapatkan *the final design* kepada kapal-kapal.

Kedua, kami juga dimaklumkan bahawa *design* yang ini bukan pilihan TLDM. Betulkah itu?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Saya boleh nyatakan ya. Mengikut rekod pengalaman kita, *design* atau reka bentuk yang dicadangkan oleh pihak TLDM pada masa pemilihan awal untuk projek ini adalah bukan *design* daripada Perancis.

Saya mohon menjemput wakil TLDM, Laksamana Muda Datuk Adli untuk memberi penjelasan bagi perkara yang dibangkitkan bagi pihak TLDM.

Tuan Pengerusi: Okey, dipersilakan Datuk.

Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah [Asisten Ketua Staf Kejuruteraan Tentera Laut Diraja Malaysia]: Yang Berhormat Dato' Seri, *affirmative* daripada pihak TLDM pada tahun 2010. *Proposal* yang dimajukan oleh TLDM adalah *designed by* Damen Belanda. *Thank you*, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *Designed by?* Damen?

Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah: Damen Shipyards.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Damen Shipyards daripada Belanda.

Tuan Pengerusi: *So, ia design Gowind or Sigma?*

Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah: *That one is Sigma.*

Tuan Pengerusi: *Sigma*. *So, itu adalah cadangan dari TLDM lah?*

Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ada lagi soalan?

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kita melihat tadi bahawa ada RM9 bilion dan kita merasa banggalah beberapa projek telah dilaksanakan. Saya hendak tanya beberapa perkara.

Pertama, punca kenapa berlaku kelewatan. Sama ada daripada segi teknikal, sama ada dari segi pengurusan dan juga kewangan ataupun dari segi tenaga buruh atau kepakaran yang menjadikan kelewatan projek ini tergendala? Itu sahaja. Terima kasih.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Okey, untuk saya menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' tadi, kita perlu melihat kepada apakah yang telah dicapai atau dihasilkan oleh pihak syarikat sehingga kini.

Sehingga kini, kita telah menghasilkan *design* pada tahap 96 peratus siap, di mana daripada 96 peratus *design* atau reka bentuk yang disiapkan itu, sejumlah 82 peratus telah diluluskan oleh pihak penguasa pembinaan reka bentuk kapal iaitu *Naval Group France*. Ia tidak dapat diluluskan sehingga tahap 96 peratus yang telah disiapkan oleh BNS kerana ia terpaksa dihentikan pada November 2019 kerana kita tidak mempunyai keupayaan untuk membayar lagi di mana pihak BNS telah menghadapi kekangan aliran tunai.

Jadi, kalau kita lihat dari segi keupayaan reka bentuk untuk pihak BNS menghasilkan 96 peratus reka bentuk, dan daripada 96 peratus itu, 82 peratus telah diluluskan oleh penguasa reka bentuk daripada Perancis, ia memberikan satu pemarkahan yang jelas lebih daripada markah lulus.

Jadi saya boleh katakan di sini, isu keupayaan pereka-pereka bentuk saya di pihak BNS ini adalah mereka yang berupaya. Dia telah menghasilkan reka bentuk dan reka bentuk telah diluluskan oleh pihak ketiga yang berwenang di peringkat antarabangsa. Jadi, isu keupayaan pereka-pereka bentuk BNS ini tidak bolehlah kita katakan mereka tidak berupaya.

Perkara kedua ialah keupayaan tenaga-tenaga kerja pihak BNS untuk membuat pembinaan. Kita telah membina kapal di mana kapal ini perlu dibina secara serentak untuk memenuhi keperluan jadual penyerahan kapal di mana pihak pengguna iaitu TLDM memerlukan kapal ini diserahkan lebih kurang dalam masa yang dekat antara satu dengan yang lain untuk memenuhi keperluan operasi TLDM untuk mengawal ketenteraman dan keselamatan perairan negara.

Jadi, ia tidak boleh dibina satu— sudah siap satu, kemudian *start* balik bina nombor dua. Ia akan mengambil masa yang amat lama kerana setiap kapal itu, secara purata, memerlukan lebih kurang tiga hingga empat tahun untuk disiapkan.

Mengambil kira keperluan jadual penyerahan kapal tersebut, itulah pihak syarikat telah membina kapal-kapal ini secara serentak (*concurrent*).

Yang Berhormat, itu untuk memberi gambaran sedikit soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Selepas ini juga kita boleh turun ke lapangan untuk melihat apa yang telah kita hasilkan di mana dua biji kapal telah siap dari segi badan dan strukturnya.

Itu, bagi kami, ialah satu pembuktian di mana kita berupaya untuk membina kapal-kapal ini berdasarkan reka bentuk yang kita buat sendiri. Jadi, isu keupayaan, kemahiran dan tenaga kerja warga tempatan itu adalah satu yang mungkin agak sukarlah kita masih persoalkan.

Keduanya juga, jika kita lihat pembayaran yang telah dilakukan oleh Kementerian Pertahanan kepada syarikat berjumlah RM6 bilion, saya rasa tidak masuk akal untuk satu kementerian untuk membuat bayaran sejumlah yang besar tersebut untuk suatu yang tidak jelas. Saya rasa pihak Kementerian Pertahanan tidaklah rakus untuk membuat pembayaran secara suka hati sahaja.

Jadi, setiap pembayaran dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pertahanan itu telah diperiksa dan dipastikan oleh pasukan projek TLDM. Ia satu proses yang amat rumit dan amat *stringent*, bagi saya.

Jadi, kalau kami tidak berupaya untuk menghasilkan suatu penghasilan dari segi kapal dan dari segi *design*, saya rasa adalah agak sukar untuk kita melihat dari aspek tersebut di mana pihak kementerian membuat pembayaran sejumlah yang besar kepada pihak syarikat jikalau pihak syarikat itu sendiri tidak berupaya untuk menghasilkan sesuatu.

Jadi kalau kita tengok dari segi aspek...

Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd

Dun: Boleh saya tanyakah, *Chairman*?

Tuan Pengerusi: Ya, sila, Yang Berhormat.

Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd

Dun: Saya hendak tanya sebab keupayaan ada, tenaga kerja ada dan kepakaran ada. Kenapa lewat? *What is the reason* yang lewat ini?

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh: Satu lagi, saya berminat tentang pembayaran. Ini kerana ia melibatkan kos peruntukan negara yang jumlah tadi sudah dibayar sebanyak RM6 bilion. Adakah ikut prosedur pembayaran mengikut Kementerian Kewangan, mengikut peraturan peruntukan? Berapa peratus sudah siap, baru dibayar. Pengalaman Kepten, adakah ini mengikut prosedur yang biasa diuruskan oleh Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Pertahanan?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ya, Yang Berhormat Dato', setiap pembayaran yang dituntut dan dibayar oleh pihak kementerian, semuanya adalah

berdasarkan kepada *milestone* ataupun perbatuan yang telah dinyatakan dalam kontrak. Dalam kontrak juga menyatakan secara khusus setiap penghasilan kerja yang boleh dituntut oleh pihak syarikat bagi setiap perbatuan pembayaran tersebut.

Jadi, ia melalui satu proses yang amat ketat yang diperiksa dan diakui oleh pihak pasukan projek TLDM sendiri dan juga mendapat kelulusan daripada syarikat ataupun penguasa pengurusan kualiti atau *quality assurance body* daripada pihak ketiga yang berwenang iaitu *Bureau Veritas Classification Society* sebagai satu pihak pengawalan kualiti yang kita panggil *independent* ataupun yang berkecuali bagi pihak untuk memastikan setiap penghasilan yang disiapkan oleh BNS itu mencapai satu tahap yang dikehendaki.

■0950

Saya juga mohon menjemput komen daripada pasukan projek TLDM atau wakil TLDM terhadap perkara atau proses untuk mereka mengesahkan sebarang penghasilan kerja yang kami hasilkan untuk proses tuntutan pembayaran. Mohon dijemput wakil TLDM.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Kepten Jamal, Ketua Pengarah Projek.

Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd

Dun: Jawab kenapa lewat ya.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Saya cuba menjawab Yang Berhormat punya soalan— *I'll come back* dengan Yang Berhormat punya soalan sekejap lagi.

Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah: *Thank you, Yang Berhormat. A good question by Yang Berhormat Sik. I'll try my level best to answer. The question Yang Berhormat Sik is adakah pembayaran ini mengikut tatacara peraturan yang dibenarkan. That's the question. My answer here ada dua.*

Pertama, pembayaran oleh TLDM diluluskan oleh Bahagian Perolehan Kementerian Pertahanan adalah mengikut peraturan yang termaktub di dalam kontrak. Di mana di dalam kontrak, pembayaran berdasarkan *schedule, timeline, dan activity*. Dari segi *legal, this is binding*, tidak menyalahi peraturan. Akan tetapi, dari segi projek, *any project in the world*, apabila kita melaksanakan pembayaran, pembayaran mesti bukan berdasarkan aktiviti. Pembayaran mesti berdasarkan projek, *progress. Project progress*.

Pembayaran berdasarkan aktiviti ini dahulu pada tahun 2013 tidak disokong oleh TLDM. Kita hantar surat pada 23 Januari 2013 menyatakan TLDM tidak berpendirian pembayaran berdasarkan aktiviti kerana ia tidak melindungi kepentingan kerajaan.

Hujah daripada pihak BNS pada masa tersebut, pembayaran berdasarkan aktiviti kerana mereka hendakkan *positive cash flow for the project*. *We are not going to discuss how to achieve positive cash flow. There's a way to achieve it but as a project team, as a Navy, we say project must be paid based on progress. This is the key. So, we registered 23rd January 2013. We can give the letter but there's no response. We submitted another letter dated 8th February 2013. So, I hope I answer* Yang Berhormat Sik punya *question* lah.

Seorang Ahli: Sabak Bernam.

Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah: Maaf. Yang Berhormat Sabak Bernam.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Mungkin saya jemput Kepten untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Naib Pengerusi tadi.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Yang Berhormat, satu soalan yang amat mencabar kalau untuk saya nyatakan apakah punca-punca yang menyebabkan kelewatan kepada projek ini.

Sebelum saya menjawab kepada persoalan tersebut, salah satu isu yang sering dibangkitkan oleh pihak yang berwenang dari segi siasatan oleh Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus dan juga even masa PAC yang bersidang lepas, di mana jawapan saya masih lagi konsisten. Pihak syarikat tidak dapat memuktamadkan reka bentuk kapal ini sehingga sekarang kerana kita masih lagi menunggu proses pertukaran peralatan itu dimuktamadkan di mana ia menyumbang kepada elemen untuk kita memuktamadkan reka bentuk kapal.

Tanpa reka bentuk kapal ini disiapkan, kami cuba untuk membuat proses pembinaan secara *concurrent* atau selari. Ada reka bentuk yang boleh kami buat, kami buat dan apa yang boleh kita *translate* reka bentuk itu dalam bentuk pembuatan pembinaan kapal, kita laksanakan. Akan tetapi, ia tidak boleh dilaksanakan secara menyeluruh kerana reka bentuk itu masih lagi tidak dapat dimuktamadkan kerana menunggu beberapa pertukaran peralatan untuk dimuktamadkan.

Justeru, ia satu yang amat sensitif untuk dinyatakan oleh pihak syarikat kerana *it has always become an argument* ataupun perbincangan yang hangat di antara kedua-dua belah pihak kementerian dan juga pihak syarikat.

Cuma, pihak syarikat juga ada menghadapi permasalahan aliran tunai daripada segi proses pengurusan projek ini pada peringkat awal. Ada beberapa struktur penganugerahan kontrak, subkontrak kepada vendor ataupun OEM yang kami lihat tidak berapa bagus daripada segi aspek komersial. Ia juga turut menyumbang kepada isu permasalahan aliran tunai yang sihat untuk projek.

Justeru, pihak pengurusan baharu yang masuk telah mengambil tindakan...

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh: Kepten, saya hendak tanya. Tadi ada perkataan yang tidak berapa bagus. Apa perkara yang ada disebutkan perkara yang tidak bagus itu? Tentu ada di sebalik...

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Okey, tidak bagus ini, kalau daripada konteks sebagai pengurus projek, Yang Berhormat, saya melihat kepada struktur *subcontracting* kepada kontrak utama kita dengan kerajaan dengan subkontrak kita kepada pihak pengeluar peralatan. Kuantum harga subkontrak itu perlulah setimpal dengan tinjauan pasaran, dengan pengurusan risiko. Justeru, ia dilihat sebagai satu yang tidak bagus daripada segi aspek komersial dan juga daripada aspek pengurusan projek di mana ia nampak tidak seimbang dan tidak setimpal.

Melihat kepada konteks tersebut, pihak pengurusan baharu pihak syarikat yang diketuai oleh Yang Berusaha Encik Sharifudin, kita telah melaksanakan *forensic audit* kepada proses penganugerahan subkontrak-subkontrak yang terlibat. Hasil daripada siasatan *forensic audit* ini kita telah gunakan sebagai asas untuk kita membuat laporan secara terus kepada SPRM yang telah dilaksanakan pada bulan September 2020.

Dari segi aspek itu, kita tidak menyatakan secara keseluruhannya projek ini mengalami kelewatan hanya kerana pertukaran peralatan semata-mata tetapi ada juga elemen-elemen yang berpunca yang kami rasakan daripada aspek pengurusan dalaman pihak syarikat sendiri. Akan tetapi, kami tidak boleh bertindak menyatakan ini adalah satu yang salah ataupun tidak betul secara terus. Ini kerana ia perlu melalui satu proses siasatan yang tuntas, satu siasatan yang komprehensif dan dilaksanakan oleh satu badan yang berkuasa ataupun berwenang agar ia berikan satu proses *governance* yang jelas.

Tindakan-tindakan tersebut telah diambil oleh pihak syarikat untuk memastikan sebarang ketirisan ataupun ketidaktentuan tadbir urus yang jelas untuk disiasat dan diperbetulkan.

■1000

Jika terbukti ada sebarang isu atau kes salah laku, ia akan diambil tindakan. So, proses itu sedang berlangsung untuk membuktikan ketelusan pengurusan daripada pihak syarikat telah diambil tindakan dan kami masih lagi menunggu ia diproses.

So, itu untuk menjawab soalan Yang Berhormat daripada Sabak Bernam.

Tuan Pengerusi: Okey, sebelum saya menjemput Ahli-ahli yang lain, saya cuma minta Kepten untuk huraikan tadi ada menyatakan berkenaan isu-isu pentadbiran dalaman yang mungkin juga *contribute* kepada kelewatan projek ini. Bolehkah Kepten membantu huraikan secara fakta apakah yang dimaksudkan dengan masalah pentadbiran atau pengurusan dalaman ini? Apakah yang berlaku?

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Saya rasa— okey, ini bahagian saya, Yang Berhormat. Bukan bahagian Kepten Azhar. Ada beberapa contoh. Umpamanya, *decision by the board* hanya dibuatkan melalui DCR dan bukannya melalui perbincangan.

Tuan Pengerusi: *DCR stands for?*

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: *Director circular resolution.*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *Director circular resolution.* Sorry. Macam pakai *paperwork* sahajalah. So, hendak *appoint* syarikat itu, harga kah, apa kah, pakai surat sahaja. Itu daripada segi *governance* agak longgarlah, *compared to* macam sekarang, kita *discuss*, kita *debate the pros and cons*. So, itu salah satunya.

Keduanya, adalah untuk *appointment of OEM* ataupun subkontraktor. Itu pun melalui perbincangan antara tiga atau empat orang. Ini adalah *the findings of the forensic report*. Kami telah serahkan kepada SPRM pada bulan September 2020 dan sampai hari ini masih di-*investigate*. Saya telah berbincang dengan SPRM juga minggu lepas, masih terkini, tetapi masih belum dapat lagi keputusannya ataupun *the final outcome*.

Tuan Pengerusi: *Wait.* Saya jemput Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Pengerusi, boleh saya minta laporan forensik audit ini juga dikemukakan salinan kepada PAC? Bolehkah tidak?

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Okey, sebenarnya *forensic report* ini adalah— saya tertakluk kepada keputusan Ahli Lembaga Pengarah, *our Board of Directors*, yang sekarang ini *limit the circulation only to about five members*. *That is why* Kepten Azhar sendiri or KC tidak pernah tengok *forensic report* ini. Malah dalam perbincangan kita dengan Kementerian Pertahanan pun ada minta tetapi saya masih tidak memberi tanpa permintaan *official because this is a controlled document*. *The concern is we do not wish any innocent parties in there to be made known to the public without any control on the information*. So, at least kita boleh *trace* katakanlah *public* tahu siapa yang cakap. Macam buat masa sekarang, lima orang sahaja yang tahu.

Tuan Pengerusi: Encik Sharifuddin, *I think forensic report* itu memang amat penting bagi PAC dalam mencapai laporan akhir dan laporan muktamad kita. So, sebelum ini apabila Encik Low Kok Chiang datang ke PAC masa kita adakan prosiding di Parlimen, memang pada masa itu kita telah pun minta dan pada pagi ini, saya bagi pihak PAC secara rasmi meminta supaya sesalinan dibekalkan kepada pihak PAC.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Okey, baik.

Tuan Pengerusi: Pihak sekretariat akan juga secara rasminya menulis surat kepada pihak BNS untuk meminta satu salinan. Terima kasih. Sila, Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada faktor antara kelewatan tadi disebut *besides* syarikat ialah *design* yang belum siap kerana perubahan-perubahan kelengkapan yang tidak muktamad. Jadi, ini bermaksud *client* ataupun TLDM berubah-ubah permintaan kah ataupun peralatan tukar senjata atau macam mana? Apa yang dimaksudkan dengan masalah peralatan yang sampai hari ini tidak muktamad? Adakah kerana masa berubah? *We have left many years, the need is different. Current* peralatan itu sudah berbeza. Atau apa yang menyebabkan salah satu punca yang disebutkan oleh Kepten tadi ialah peralatan yang belum muktamad? Kalau boleh pihak projek ini...

Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Soalannya, *variation order*, berlaku perubahan. *At the moment*, terdapat tiga *variation orders*.

Untuk *variation orders* yang pertama berkaitan *surface-to-surface missile* iaitu peluru berpandu ke permukaan, TLDM berpendirian daripada awal projek, TLDM hendak *Naval Strike Missile* (NSM). Tiada perubahan. Akan tetapi, apabila kontrak ditandatangani, misil tersebut adalah Exocet daripada Perancis MBDA. Apabila kontrak telah ditandatangani dan tengah-tengah jalan, terdapat permohonan—bukan daripada TLDM— untuk patah balik kepada NSM. Ini yang berlaku *variation order* yang pertama. TLDM berpendirian daripada awal *we want Naval Strike Missile* daripada Kongsberg as *highlighted by* mantan PAT, Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz. *And he even approached Prime Minister. The only Chief of Navy* sejak penubuhan navy jumpa Perdana Menteri. Dia tidak puas hati. *This is first in history. I can quote here.*

The second is about Decoy Launching System (DLM). DLM agreed ini daripada TLDM dimajukan kepada Boustead *halfway* kerana *Decoy Launching System* di UK, *factory* yang buat *Decoy Launching System*, *factory*-nya terbakar. Apabila *factory* sudah terbakar, ia tidak hendak buat balik *factory* itu balik. *Basically*, alat ini *obsolete, not supportable anymore. And we have all the record* menyatakan ia terbakar *and its evidence*. Adalah. *So, that is* yang kedua, yang sudah berlaku. Kita *admit* daripada navy.

VO yang ketiga adalah yang berkaitan *Integrated Platform Management Systems* (IPMS). Ini bukan daripada navy tetapi *on paper* sudah *sign seemed like for MinDef but initially it is not for the navy. Navy sent a letter* untuk melaksanakan *feasibility studies* sahaja. *Why feasibility studies* kerana masa tersebut, projek ini

sudah *delay* daripada segi *design* of IPMS. *Too slow and so on. So, I hope, I answer the question why VO being raised.*

Next question here Yang Berhormat tanyakan soalnya, kalau saya faham, adakah VO ini menyebabkan projek ini delay? Partly, ada sedikit tetapi not the major, in our perspective. But in terms of Boustead, diuar-uarkan— I am accusing Boustead— from the start of this project, dia menyatakan variation order adalah punca delay. It is half true. I do not say it is fully that. It is half true.

My view and my perspective to answer Yang Berhormat punya soalan tadi why punca delay, maybe I am not the right to answer on BNS, but my view, personal view because of design. Now, design has no issue because 80 percent almost completed.

■1010

But four to five years ago, the design was delayed a bit, detail design. Why detail design delayed? A lot of issues. We got data information and some procurement issue and so on. All are associated. That's one perspective.

Second perspective highlighted is cash flow. Cash flow of the project. That, we are not going to cover because this is a company thing.

Third is management. Management are two things. Management of the project itself, no issue. Next is the management of the programme. The programme ini ada isu in our perspective.

This is because the viability of the programme is not viable in some context because if we want to manage a project or a programme, the programme must be in your control. To control the programme, you must control the money. So, this is the structure of contractual of BNS with all the vendors.

The best is BNS should control all the money and dealing with OEM, not dealing with orang tengah or third party and the third party handling one-third of your money. Means the project or the progress is not viable, but the project level is okay. But that one internal issue, I am not going to elaborate further. That is my holistic view itself. Maybe I am wrong. Thank you, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Datuk. Ya, Yang Berhormat Kluang, sila.

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa soalan. Mungkin wakil BNS boleh jawablah. Kerana wakil TLDM tadi pun ada sebut bahawa pandangannya adalah seharusnya pembayaran dibuat mengikut *progress* dan bukan aktiviti. Akan tetapi, pihak BNS berpendapat bahawa mesti ikut aktiviti iaitu dapat *positive cash flow*. Ada apa respons daripada pihak Encik Sharifuddin terhadap pandangan ini tidak?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ya, pandangan pada pihak TLDM itu telah diambil kira dalam— Yang Berhormat Kluang ya? Ia telah diambil kira dan ia telah

distrukturkan dalam kontrak yang ditandatangani. Ya, kalau kita tengok perbatuan pembayaran yang ditetapkan dalam kontrak, ia adalah berdasarkan kepada penghasilan kerja. Bukan berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti.

So, untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi, ia telah diambil kira dan telah dilaksanakan di dalam kontrak yang ditandatangani antara pihak kerajaan dengan pihak syarikat. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Tuan Pengerusi, sikit.

Tuan Pengerusi: Sebelum kita sambung, boleh atau tidak saya *check* dengan AGC? AGC ada pagi ini? Okey, pemberian kontrak bagi pembinaan LCS ini, *drafting*-nya kebiasaannya AGC akan *go through agreement* ini ataupun perjanjian ini sekadar disediakan atau dimuktamadkan di peringkat PUU?

Tuan Allauddin bin Mohd Tahir [Peguan Kanan Persekutuan, Jabatan Peguan Negara]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *Turn on the microphone please.*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Tidak ada mikrofon ya? *Maybe you come forward to take the microphone at Yang Berhormat Sabak Bernam. Because we also need to add record in the Hansard lah.*

Tuan Allauddin bin Mohd Tahir [Peguan Kanan Persekutuan, Jabatan Peguan Negara]: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi. Kebiasaannya perjanjian telah disediakan secara draf dan pihak AGC akan menyemak perjanjian tersebut berdasarkan kepada *salient terms* yang dipersetujui. Berdasarkan itu sahaja. So, draf-drafnya, kami tidak buat daripada *zero*. Kita akan semak draf yang telah disediakan dan kami akan semak berdasarkan kepada *salient terms* yang telah dipersetujui.

Tuan Pengerusi: Terma-terma yang telah pun dipersetujui antara kedua-dua pihak ya?

Tuan Allauddin bin Mohd Tahir: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Sik, selepas itu saya beri kepada Yang Berhormat Kluang sekali lagi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Okey, saya hendak lanjut sikit soalan daripada Yang Berhormat Kluang tadi, Tuan Pengerusi. Apa yang disebutkan oleh Kepten Azhar tadi, maknanya pembayaran *on progress* ya. Dalam penemuan audit, disebut sehingga ke 31 Disember 2019, bayaran kemajuan yang telah dibuat berjumlah RM910 juta atau 63.8 peratus berbanding kemajuan kerja sebenar kapal LCS1 hanya sekadar 42.7 peratus. Jadi, bayaran kemajuan yang dibuat itu melebihi sebanyak 21.1 peratus. Jadi, mungkin boleh komen daripada Kepten Azhar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Itu kenyataan di mana ya, Yang Berhormat?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Laporan Ketua Audit Negara.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Kita tidak dapat.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Pertama sekali, saya tidak *privy* ataupun tidak dapat...

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Dokumen-dokumen negara, kita tidak akses, Yang Berhormat. Jadi, kita susah hendak...

Tuan Pengerusi: *No. Laporan Ketua Audit Negara is a public document presented— and we have started these proceedings because of the Laporan Ketua Audit Negara. For sure, I believe the saksi would have already gone through the whole report, Laporan Ketua Audit Negara.*

Ada ulasan daripada saksi berkenaan dengan soalan daripada Yang Berhormat Sik tadi berpandukan Laporan Ketua Audit Negara yang menyatakan, jika tidak silap saya, pembayaran adalah lebih daripada *progress*?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Okey, untuk proses pembayaran dan juga tuntutan pembayaran daripada pihak syarikat, semuanya adalah berdasarkan kepada jadual pembayaran dan tuntutan yang termaktub dalam kontrak, Yang Berhormat ya.

Justeru, ia dilaksanakan berdasarkan peruntukan yang berada dalam kontrak. Kami tidak dapat menyentuh apa yang dinyatakan oleh Ketua Audit Negara tersebut di mana pembayaran kapal untuk kapal pertama adalah lebih tinggi daripada kemajuan yang dicatat di pihak limbunganlah. So, itu jawapan daripada kamilah, Yang Berhormat ya.

Tuan Pengerusi: Okey, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Kluang, saya ingin menjemput pihak auditlah. Datuk Nor Salwani, bolehkah membantu Jawatankuasa ini untuk menghuraikan sedikit berkenaan dengan pembayaran berbanding dengan kemajuan projek?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad @ Mat [Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, Laporan Ketua Audit Negara melibatkan tahun 2019. Pengauditan dijalankan melibatkan perolehan kapal peronda generasi kedua LCS bagi TLDM dan sistem pertahanan negara yang mana bagi tujuan pagi ini adalah berkaitan dengan LCS.

Jadi, skop kami adalah hanya melibatkan sehingga 31 Disember 2019 sahaja. So, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adalah melibatkan

pengauditan kedudukan sehingga 31 Disember 2019. So, mungkin kedudukan semasa adalah berbeza.

Tuan Pengerusi: So, pada masa itu, *for the sake of the Hansard*, berapakah peratusan pembayaran dan juga kemajuan? Ada satu jadual tidak silap saya.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad @ Mat: Ia merujuk kepada perenggan 5.1.2, bayaran kemajuan LCS 1 melebihi kemajuan kerja sebenar sebanyak 21.1 peratus. So, boleh saya baca ya berkaitan dengan perkara tersebut?

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad @ Mat: Kita ada merujuk kepada jadual juga di laporan berkenaan. *Especially*, Yang Berhormat dan Ahli Mesyuarat, laporan berkenaan boleh diakses daripada portal Jabatan Audit Negara mulai tahun 2020 semasa pembentangan dibuat. So, saya bacakan perenggan berkaitan dengan perkara berkaitan.

“Semakan Audit terhadap laporan kemajuan projek LCS TLDM berakhir pada 31 Disember 2019 mendapati bayaran kemajuan yang telah dibuat adalah berjumlah RM910 juta atau 63.8 peratus berbanding kemajuan kerja sebenar kapal LCS 1 hanya pada kadar 42.7 peratus.”

■1020

Apa yang kita tekankan di sini adalah bayaran kemajuan yang dibuat terhadap kapal LCS 1 adalah melebihi kemajuan kerja sebenar projek iaitu 21.1 peratus.

“Kemajuan kerja sebenar meliputi kemajuan pembinaan, sistem, senjata dan persediaan kapal untuk berlayar. Perbandingan antara bayaran kemajuan dan kemajuan kerja sebenar adalah seperti dalam Jadual...”

So, kita ada sediakan jadual berkenaan merujuk kepada yang dinyatakan tadilah. Kita telah menerima maklum balas daripada MinDef pada 22 Julai 2020. Akan tetapi, sebelum itu, Jabatan Audit Negara juga menyatakan justifikasi kenapa ia berlaku.

Berdasarkan perenggan yang telah disediakan oleh Jabatan Audit Negara, perkara ini berlaku kerana Pasukan Projek LCS TLDM membuat pengesahan kemajuan kerja berdasarkan *Schedule 5B Progress Payment Plan* dalam kontrak tambahan ketiga yang belum dikemas kini. Akibatnya, bayaran kemajuan yang dibuat telah melebihi kemajuan kerja sebenar projek walaupun telah melepasi tempoh sepatutnya siap seperti dalam kontrak utama.

Jadi maklum balas yang kita terima daripada MinDef pada 22 Julai 2020 adalah kemajuan bayaran yang dibuat adalah berdasarkan *Schedule 5B Progress Payment Plan and Annex to Schedule 5B Payment Plan Data Dictionary*.

Selain itu, bayaran kemajuan juga dibuat berdasarkan pengesahan siap kerja oleh Pasukan Projek LCS TLDM yang memantau perolehan di lokasi pembinaan.

Itu sahaja, Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Yang Berhormat, mungkin saya ingin mengenal pasti.

Tuan Pengerusi: Ya. Sila, Datuk.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Mungkin isu yang dibangkitkan tadi merujuk kepada laporan audit yang dilaporkan pada tahun 2019 yang merujuk kepada satu *portion payment* sahaja yang mana telah dijawab oleh pihak MinDef bahawa perkara itu dibayar berkaitan *schedule* yang ada dalam perjanjian ketika itu.

Akan tetapi, untuk menjawab keseluruhan— sebab, isunya, sering kali dibangkitkan bahawa pembayaran yang dibuat sering kali melebihi daripada *progress* kapal itu sendiri. Saya hendak mengambil contoh apa yang telah dinyatakan oleh Datuk Adli Chung tadi. *Design contract* ini adalah pembayaran dibuat berdasarkan aktiviti, bukannya *progress*. Itu yang kita kata yang telah pun ditegur dalam Jawatankuasa Siasatan Khas oleh Tan Sri Ambrin Buang bahawa kontrak ini tidak menyebelahi kerajaan sebab ia *based on activity*. *That is why, at any time, payment* yang dibuat akan melebihi *progress* sebenar.

Akan tetapi, Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, perkara itu, pihak MinDef telah pun mengambil kira kekurangan ataupun *loophole* dalam kontrak ini dan untuk *way forward* ini, kontrak ini akan kami perkemaskan berdasarkan berbalik kepada *progress* yang sebenar.

Berbalik kepada isu kontrak yang telah sedia ada dalam MinDef. Kontrak-kontrak itu disediakan dan telah pun disemak oleh PUU berdasarkan *salient terms* yang ada. Namun, pada masa itu mungkin *the background why the design* bahawa pembayaran dibuat berdasarkan aktiviti, mungkin saya boleh *refer* balik kepada Datuk Adli tadi, mungkin berdasarkan permintaan *at that time* untuk menyediakan satu *environment* supaya *at any time, the cash flow is positive*. Akan tetapi, kita dapati bahawa klausa-klausa ini tidak membantu kerajaan sebenarnya.

Untuk hala tuju yang akan datang, Yang Berhormat, dalam kami punya *planning* untuk hala tuju, kita akan memperkemaskan dan mengambil kira bahawa perbelanjaan pembayaran akan di-tie kepada *progress* kapal, bukannya aktiviti.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Kluang ada?

Puan Wong Shu Qi: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi ada satu soalan. Soalan ini saya ingin bertanya kepada Encik Sharifuddin kerana tadi ada sebut

bahawa tentang masalah pengurusan dalaman syarikat iaitu ada *decision* dan ada *subcontract* yang diambil keputusan melalui DCR oleh beberapa *directors* iaitu dua dan tiga orang sahaja. Jadi, boleh beritahu nama mereka di sini? Dua dan tiga orang yang biasanya ambil keputusan dan sebagainya.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *To be honest, I am not sure what the authority of the PAC is. Because,* di sini ramai orang, Yang Berhormat. Kalau saya antara Yang Berhormat sahaja, boleh saya cakap. Atau saya dengan Yang Berhormat Tuan Pengerusi sahaja, saya boleh cakap. Akan tetapi, ramai sangat di dalam bilik ini.

Tuan Pengerusi: Untuk makluman Encik Sharifuddin, bagi PAC, prosiding kita di bawah peraturan tetap adalah satu prosiding tertutup. Ahli-ahli PAC dengan *ex-officio* yang hadir dengan saksi-saksi semua. Kesemua yang dinyatakan oleh saksi akan direkodkan dalam *Hansard* oleh *team Hansard*.

Bagi PAC, memang setiap satu soalan haruslah dijawab dan hendaklah dijawab. Selepas itu, pihak PAC akan mengambil kira kesemua keterangan yang diajukan oleh saksi-saksi dalam kesemua prosiding kita dan kita akan memuktamadkan laporan kita supaya ia boleh dibentangkan kepada Parlimen. Itu sahaja.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *Naturally, the previous managing director, Tan Sri Ahmad Ramli and then the previous former programme director,* Encik Anuar Murad. Dua ini.

Dua lagi, *I am not 100 percent sure* tetapi saya rasa ada kena-mengena dengan *a gentlemen called Paramjit, is it? There's a Sikh* punya *gentlemen*. Apa nama?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Paramjit Singh.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Ya, nama itu pun ada terkeluar.

Puan Wong Shu Qi: Apa nama?

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Paramjit. Akan tetapi, yang ketiga dan keempat mungkin saya boleh buat *reference* balik dan tengok balik *the forensic report*. Akan tetapi, *obviously the former MD and the former programme director*.

Puan Wong Shu Qi: Jadi keputusan untuk tandatangan *subcontract* yang tidak mendapat baik bagi syarikat pun adalah keputusan beberapa orang ini? Betulkah tidak?

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *Yes, mainly* tetapi itu dari segi *company governance*, Yang Berhormat. Dari segi *whether or not it is a criminal offence*, itu yang *we are dependent on authorities*, sebagai contoh SPRM, to

investigate and to find whether or not, there is indeed a criminal act. What I just highlighted is from a governance perspective.

Tuan Pengerusi: *Yeah, actually I got fully your point Encik Sharifuddin on the director circular resolution whereby of course with a director circular resolution, everyone just signed on the resolution and of course with the majority of the directors, it can be passed. So, it has done away with the process of having physical meetings like this and of course further discussion and further deliberation on the matter. I fully gotten your point on this.*

So, Yang Berhormat Sabak Bernam. Selepas itu Yang Berhormat Sik dan Yang Berhormat Lumut.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh: Daripada Sabak Bernam. Saya cuma hendak melihat daripada segi kos perbandingan. Kita faham bahawa kita hendak buat kapal ini di dalam negara. Saya yakin bahawa kementerian dan Kementerian Kewangan sudah membandingkan.

Sekiranya kita membeli kapal yang sudah siap di luar negara yang dibawa balik dengan kos yang mungkin berpatutan, dan sama ada kita perlu menghantar pakar-pakar kita belajar dahulu. Ini kerana saya lihat apabila kita membincangkan, kita lihat kepakaran kita kurang dan bermasalah.

Jadi untuk masa depan, mungkin kita boleh buat kajian. Kalau ia lebih baik beli kapal dan hantar kepakaran orang-orang kita iaitu orang Malaysia pergi belajar dahulu sehabis baik dan balik baru buat. Ini kerana kita lihat tadi daripada perbincangan daripada beberapa prosiding yang kita lihat, memang kita ini lemah lagi, minta maaf. Jadi, kita kena perlu mengatasi ini. Kita tidak mahu melihat wang negara ini dibazirkan— tidak siap dan sebagainya. Mungkin kementerian-kementerian lain pun begitu juga. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sebelum saya menjemput pihak saksi untuk memberi ulasan. Saya jemput Yang Berhormat Sik dan juga Yang Berhormat Lumut bangkitkan soalan. Jadi boleh jawab sekali.

■1030

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Saya hendak bangkitkan tadi berkaitan dengan DCR ini. Kalau dapat, berikan jumlah subkontraktor yang telah pun dalam senarai. Adakah setiap pemilihan subkontraktor ini dibuat *due diligence* oleh syarikat? Adakah subkontraktor ini juga *manufacturing* ataupun *company* yang mengeluarkan mana-mana komponen itu? Okey, itu dahulu.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Saya tidak dapat jawab secara *direct* sekarang fasal *it is quite a thick document*, Yang Berhormat. Mungkin 200 muka surat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Kita dapat dalam laporan siasatan tadbir urus ini, ada 184 subkontraktor. Senarai jumlah subkontraktor yang *main contractor* iaitu Boustead yang berhutang yang tidak dapat dibayar termasuk yang paling besar, Boustead Penang Shipyard, sebanyak RM154 juta lagi yang belum dibayar.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Okey. Mungkin saya beri penjelasan sedikit. Sebenarnya kontraktor-kontraktor yang *local*, tidak ada masalah. *The main one* sebenarnya adalah *the appointment of a joint venture (JV) company* ContraVest, antara kita dengan Rheinmetall of Germany. Pembukaan ataupun pembentukan ContraVest ini sahaja sudah menimbulkan persoalan. Maksudnya, kenapa kita perlu beli barang-barang OEM menerusi CAD? Kenapa kita tidak pergi terus kepada OEM-OEM yang berikutnya?

Pertama sekali, pembentukan CAD itu kurang jelas dari segi *the reason and also the approval process*. Itu kurang jelas untuk kami.

Keduanya, secara kasarnya, bila sudah pergi kepada CAD ini, harga kita mungkin naik antara tiga ataupun empat kali ganda, tidak fasal-fasal.

Seorang Ahli: Kali ganda?

Encik Sharifuddin bin Md Zaini Al-Manaf: Kali ganda. Sekarang ini, *our plan is to bypass the CAD and go directly to the OEM* yang, *insya-Allah*, kita boleh save lebih kurang RM400 juta hingga RM500 juta *depending on* kita punya *negotiation* nanti.

Ini juga saya telah ketengahkan kepada SPRM untuk tolong *investigate* CAD. Masalahnya, dari segi kontrak, *it is legally appointed*. Dari segi invois, memang kita bayar *as per invoice*. *From a commercial point of view*, macam tiada kesalahan sebenarnya walaupun orang kata kenapa bayar JV *company* sampai tiga, empat kali ganda *but* sebenarnya ia *willing buyer, willing seller*. Melainkan, SPRM dapat menunjukkan bukti yang mengatakan di sebalik harga tiga, empat kali ganda ini ada *money trail* kepada individu-individu. Itu yang SPRM kena tolong kita untuk membuktikan.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Lumut ada soalan lagi?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Saya hendak balik kepada isu *payment* mengikut *progress versus payment* mengikut aktiviti tadi. *In a theoretical normal situation, I would presume that at the end of the day, it will be the same. Total would be the same, isn't it?* Kalau kita projek RM9 bilion, *whichever way you pay, it will be RM9 billion. Okay? But as it stands*, kelihatannya *we have paid out say what, RM6 billion out of RM9 billion, for example, which is 60 percent versus total progress of 57 percent, let us say. The whole project ya. Sedangkan, the 57 percent total*

progress itu is contributed mainly by the 91 percent design progress. Not so much the construction progress.

If you look at your slide tadi, kalau tengok kapal, 44 percent untuk LCS 1. Kalau you ambil total pun, you cannot go— how did we get 57 percent? Kalau first ship pun 44 percent, six ships are kosong percent, so the main percentage is contributed by the first part which is design.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Betul.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Jadi, yang atas itu ya... *[Merujuk pada slaid pembentangan] Design and engineering contribute— berapa percent? I cannot see the blue one.*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: 96 percent.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: 96 percent. *That makes the overall progress 57 percent. But ship wise, the best is 44 percent there. Correct ya? And the worse of course is zero percent. Do you think in normal circumstances, you can keep up with RM9 billion to get 100 percent progress? Kalau kontrak asal daripada MinDef, you think that is something possible to achieve?*

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Yang Berhormat Lumut, mungkin kalau saya boleh memahami soalan Yang Berhormat tadi, mungkin Yang Berhormat bertanya bahawa adakah dengan RM6 bilion telah dibayar itu adalah sepatutnya menyamai dengan *progress* kapal yang telah dibina yang mana daripada pembentangan ini didapati *progress* kapal yang dibina hanyalah 57 peratus sahaja. Lebih rendah daripada bayaran.

Ingin saya jelaskan sekali lagi bahawa bila kontrak ini berdasarkan pada aktiviti, pembayaran juga dibuat ke atas peralatan-peralatan yang belum dipasang lagi. Bila peralatan itu belum dipasang lagi, peralatan itu tidak *contribute* kepada *progress overall*. Mungkin dalam lawatan nanti kita boleh tunjuk juga peralatan-peralatan ataupun *materials* yang telah dibeli yang telah diguna pakai peruntukan itu tetapi belum dipasang yang tidak *contribute* kepada *progress*.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *Is that true?* Sedangkan barang itu sudah ada. *This is for LCS 1, LCS 2.*

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Barang sudah ada tetapi belum dipasang.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Untuk pengiraan kemajuan pembinaan, Yang Berhormat, peralatan-peralatan yang telah kita terima dan disimpan di dalam bilik stor tidak dikira sebagai satu kemajuan. Justeru, ia tidak menyumbang kepada kemajuan *construction* yang kita laporkan.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, itu dikira sebagai aktiviti yang mana pembayaran perlu dibuat?

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Betul. *Correct.*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Dari segi kesinambungan pentakrifan kemajuan pembinaan itu, ia adalah amat *strict* di mana pihak TLDM hanya akan mengiranya satu kemajuan jika peralatan itu, walaupun sudah diterima di dalam negara tetapi berada dalam stor BNS, masih lagi kosong dari segi kemajuan. Ia hendak dipasang, diletakkan di kapal baru dikira sebagai mencapai kemajuan.

Akan tetapi, dari segi pembayaran *as of* tuntutan itu, kita kena buat pembayaran. Bayar hendak dapatkan barang tadi dihantar masuk ke dalam syarikat, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, Kepten. Nanti dalam *site visit* mungkin boleh tunjukkan kepada Ahli-ahli PAC. Dalam stor, I nampak memang ada gambar-gambar menunjukkan barang-barang diterima. Kita berminat untuk tahu bilakah barang-barang tersebut— boleh tunjuk yang mana satu dibeli pada tahun 2013, 2015 ataupun 2017. *So, that one we leave it for the site visit later.*

Mungkin sebelum saya menjemput soalan yang lain, saya jemput Kepten sekiranya ada pembentangan lagi. Kita cuba *go through the slides and the questions will come in between again.* Thank you.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ada satu persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam. Ia berkenaan harga kapal inilah sama ada ia suatu yang munasabah dan *comparable* daripada segi harga di pasaran semasa.

Kami telah membuat tinjauan pasaran berdasarkan apa yang kami boleh dapatkan daripada laporan-laporan yang terbuka. Kami membuat perbandingan. Jikalau LCS Maharaja Lela Malaysia ini diambil kira kos setiap kapal dengan juga unjuran penambahan kos melibatkan rundingan semasa dengan kerajaan, tambahan RM2.68 bilion untuk tambahan kos, ia memberi purata setiap satu kapal LCS kepada RM1.9 bilion.

■ 1040

Berbanding kapal Gowind LCS yang sama yang dibeli oleh negara Mesir, *Egypt* pada tahun 2014, di mana harga puratanya adalah RM1.8 bilion. Saya tidak masukkan unsur *escalation in terms of* harga pada tahun 2014 dan harga tahun 2021.

Juga yang terkini, kapal yang *design* yang sama, LCS Gowind, yang dijual kepada UAE. Dua biji kapal pada harga EUR375 juta tahun 2019 yang memberi anggaran sekitar RM1.8 bilion.

Justeru, harga kapal LCS ini walaupun dengan penambahan kos yang sedang dirunding dengan pihak kerajaan hingga terkini, ia satu yang berkisar atau harga yang kita kata munasabahlah berbanding dengan tinjauan pasaran untuk spesifikasi peralatan yang sama atau *design* yang sama. Jikalau kerajaan

memikirkan opsyen untuk membeli, membuat perolehan baharu untuk kapal dengan spesifikasi yang setimpal, yang sama, itu adalah harga-harga pasaran yang sedia ada. Ini untuk memberi sedikit gambaran apa yang sedang dibincangkan dan sedang dilihat sebagai asas pertimbangan dalam rundingan dengan pihak kerajaan dan juga syarikat, Yang Berhormat ya. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. Yang Berhormat Lumut dan Yang Berhormat Sik.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Satu *observation*— oleh kerana ia bawa contoh kapal El Fateh, Mesir itu ya, *purchased in 2014* ya. Bilakah projek kita siap ataupun mula projek?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Lebih kurang sama dengan kita, Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Sama?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Sama dengan kita.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *What was your original* harga sebuah kapal pada masa kita mula kontrak?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Siapakah? Kita?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Ya.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Kita *about* RM1.5 bilion.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *How did we get it cheap? Cheaper than* Mesir.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *How did we get cheaper than the Egyptians?*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Ya.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Okey. Malaysia adalah negara atau pelanggan yang pertama *actually* melanggan atau membeli reka bentuk Gowind. Ini yang difahamkan kepada saya secara lisan ya, Yang Berhormat.

Pihak syarikat Naval Group sebenarnya telah memberikan satu tawaran harga yang amat menarik dan rendah untuk mereka mencapai satu rekod pelanggan antarabangsa yang membeli reka bentuk dan produk mereka yang mereka capai melalui rundingan dengan merekalah. Kesenambungan daripada itu, untuk pelanggan-pelanggan yang seterusnya, mereka mula menaikkan harga dan juga kosnya yang setimpal dengan apa yang telah mereka laporkanlah.

Itu memberikan sedikit penjelasan kenapa harga yang ditawarkan dan dapat dicapai oleh Malaysia pada tahun 2014 tersebut adalah jauh lebih rendah berbanding dengan apa yang dipersetujui dan dicapai dengan Kerajaan Mesir, Yang Berhormat.

Akan tetapi, saya ingin tekankan di sini, ini bukanlah satu kenyataan rasmi tetapi apa yang telah kita dapat secara lisan melalui interaksi kita dengan syarikat Naval Group Perancis.

Tuan Pengerusi: Okey. Yang Berhormat Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Ada sedikit berkaitan, Tuan Pengerusi. Kita ambil tadi *compare* dengan El Fateh. Ia *laid down* tahun 2015 dan ia telah *commissioned* tahun 2017. Jadi, agak pantas, cepat mereka dapat disiapkan.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Mungkin Boustead melihat apa yang...

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Yang Berhormat, kita telah memajukan persoalan ini kepada pihak Naval Group. Kenapa untuk kapal negara Mesir, lebih kurang dua tahun setengah sahaja sudah boleh terima dan disiapkan.

Untuk pembelian perolehan dengan Kerajaan Malaysia, keperluan TLDM adalah untuk sesi *harbour acceptance trials, setting to work* dan *sea acceptance trials* mengambil masa 22 bulan. Itu hampir dua tahun. Berbanding dengan keperluan Kerajaan Mesir, mereka punya *test and trial period* adalah jauh lebih rendah. Naval Group tidak boleh maklumkan secara rasmi kerana ia adalah satu kerahsiaan kepada mereka. Akan tetapi, jelas kita boleh nampak di situ jauh lebih singkat dan tidak secara terperinci seperti yang diperlukan oleh TLDM.

Saya juga mendapat maklum balas ialah ujian penembakan meriam, *missiles, torpedoes* untuk kerajaan *Egypt*, tentera laut *Egypt* hanya dilaksanakan selepas kapal itu diterima. Berbanding dengan kita, ia hendaklah dilaksanakan sebelum kapal diterima. Itu menyumbang kepada tempoh itu dikurangkan secara mendadak.

Kalau Yang Berhormat lihat, kapal ini akan siap *construction* dan *ready to setting to work*, saya perlukan lagi 22 bulan sebelum ia boleh diserahkan untuk *process test and trial* sahaja. Ia perlu dilihat kepada konteks lebih mendalam daripada segi aspek tersebutlah untuk menjawab kenapa wujud perbezaan yang amat ketara daripada segi tempoh penyiapan kapal sehingga penyerahannya kepada pihak pengguna. Harap penerangan saya itu memberi sedikit gambaran lebih jelas kepada Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Maksudnya kita sudah pun keluar daripada jadual kitalah?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Tidak. Jadual kita...

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *Maybe I will try to explain* lah, Kepten. Okey. Dalam proses pembuatan kapal ini, penghabisan buatan kapal, satu fasa. *Testing*, satu lagi fasa.

Jadi, fasa *testing* ini untuk *Royal Malaysian Navy* (RMN) mengambil masa 22 bulan. Apa yang Kepten Azhar memberitahu tadi, fasa *testing* di *Egypt* jauh lebih pendek. Kalau tidak silap saya lima bulan, tetapi ya lah, ini semua *informal* punya itu. Jadi, kalau perbezaannya antara lima dengan 22 bulan, itu agak beza.

Jadi, bila lihat secara keseluruhannya, *construction*-nya kemungkinan sama tetapi *testing* itu berlainan dan secara langsungnya, *the total project time* akan berlainan. Akan nampak lebih besar bagi kita di BNS.

Just to give information also. We would need another 14 bulan sahaja from today ataupun daripada T-0 yang kita anggarkan pada bulan Jun 2022. Dalam masa 14 bulan kita sudah boleh siapkan kapal.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *From June?*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *From June 2022.*

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, itu juga bergantung kepada keupayaan pihak BNS untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kabinet, bukan?

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Ya, *sure*. Betul, betul, betul.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Kepten untuk teruskan pembentangan. Akan tetapi, saya nampak ada beberapa slaid yang memang telah pun dibentangkan sebelum itu menyatakan BNS punya *capabilities, socioeconomic benefits and so on*. *That part you can skip* tetapi— *I think this one could be the new one*. [Merujuk pada slaid pembentangan] *So, you may elaborate and you may proceed on that*. Okey?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Okey, saya sudah sentuh tentang perbandingan harga di pasaran berhubung kapal reka bentuk Gowind atau LCS ini secara setimpallah jikalau kerajaan cuba menimbang opsyen untuk membeli kapal baharu secara terus.

Seterusnya, ada satu isu yang juga hangat diperkatakan di alam maya. Saya rajin juga tengok dekat *blog, you know, Facebook* hendak melihat apa sentimen daripada pihak awam kepada projek ini. Salah satu elemen yang hangat diperkatakan ialah BNS telah membuat satu wayang kulit di mana kita telah membuat satu *dummy module* semasa pelancaran kapal ini pada tahun 2017.

■1050

Justeru, saya ingin mengambil peluang ini menjelaskan di mana kalau kita bandingkan kapal yang dibina untuk kerajaan *United Arab of Emirates* (UAE) yang dilancarkan pada minggu lepas, ia dilancarkan tanpa *mast*. *Mast* ini apa yang saya bulatkan dalam gambar-gambar itulah. [Merujuk pada slaid pembentangan] Itu adalah satu standard pembinaan ataupun *approach* yang kita memang *adopt* untuk pembinaan kapal ini di mana pada tahun 2017, memang kita merancang untuk lancarkan tanpa *mast*.

Akan tetapi, ada keperluan untuk ia dipasang bagi menampakkan satu gambaran yang lebih menarik dan lebih gahlah. Justeru itu, untuk memenuhi keperluan itu, kami telah membina satu modul secara *temporary* lah untuk menyokong penambahan *mast* tersebut. Namun begitu, ia telah diputarakan jadi satu isu di mana ia satu tindakan untuk mengaburi mata rakyatlah atau *misleading which of course* pihak BNS tidak mahu menyangkal kenyataan-kenyataan secara terbuka di forum-forum atau melihat kepentingan, kerahsiaan dan juga secara objektiflah.

Akan tetapi, perlu untuk saya yakinkan PAC di sini, apa yang kami lakukan pada tahun 2017 itu adalah sejajar dengan strategi pembinaan dan juga *approach, it's a standard* seperti apa yang telah dibuktikan dan dilaksanakan oleh syarikat Perancis— *this one in Lorient*. Ada lambang Naval Group di situ untuk kapal UAE yang dilancarkan pada minggu lepas jelas tanpa *mast* ataupun struktur yang paling atas itu dipasang. So...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *Chairman, Chairman.*

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *I think you are contradicting yourself. You say the standard one is without the mast.*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *Without.*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *But yours is with the mast and the mast is a temporary module to support—* ia tulis situ.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ya, ya.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *Is it being used or it is just a temporary thing or...*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *No.* Kalau ikut keperluan standard pembinaan kapal, ia tidak perlu. Kita tidak perlu pasang *mast*...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Ya lah. *That is the standard, but this is not the standard, isn't it? What you are doing is not for the standard.*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Okey. Itu yang saya cuba jelaskan ini, Yang Berhormat. Ada keperluan pada masa tersebut...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Okey. Saya hendak tanya tadi keperluan. Kalau tidak silap, permintaan daripada...

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Pengguna.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Pengguna. Minta penjelasan daripada TLDM. Untuk apa kita buat ini *temporary* ini untuk tunjuk pada orang seolah-olah *it looks like a kapal ini?* Kalau standardnya yang dibuat UAE, *that is standard. We can argue on that.* Akan tetapi, *you* buat begini *and suddenly it is just—is that a permanent thing there?*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *No, the mast...*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *No, that is the sham that I said in my— I know, I think you are trying to refer to that.* Ertinya, benda itu bukan *real*. Betul tidak?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Tidak, tidak. *Mast* yang saya bulatkan itu adalah *real*. Peralatan utama yang telah kita siapkan ada di sini, Yang Berhormat. Cuma, yang perlu saya buat kan peralatan yang *temporary* adalah modul tapaknya itu untuk *support*-nya, untuk kita pasang. Itu yang sering dituduh sebagai kita membuat satu *dummy module* untuk mengelirukan masyarakat.

So, saya hendak cuba jelaskan di forum ini, tujuan ia dilaksanakan pada masa tersebut bukanlah kita untuk mengelirukan atau mengaburi mata masyarakat. Ia dibuat *above and beyond* keperluan industri untuk bagi menampakkan satu gambaran kapal yang jelas untuk masyarakat boleh memberi, “*Oh, okey, nampak kapal*”. Itu sahaja tujuannya.

Tuan Pengerusi: Kepten...

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ikut obligasi kontrak dan standard industri tidak perlu. Akan tetapi, kami laksanakan atas keperluan untuk memberi satu gambaran yang lebih baik. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: So, Kepten, boleh jelaskan dan sahkan kepada jawatankuasa ini sama ada *mast* itu perlu kah tidak dalam reka bentuk yang asal? Bentuk-bentuk kapal ini ada *mast* atau tidak?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Okey. Reka bentuk yang asal memang ada *mast* dan ia akan ada *mast*, Tuan Pengerusi. Akan tetapi, daripada segi proses dalam fasa ia dilancarkan, *mast* tersebut tidak perlu dipasang lagi. So, ia tidak diperlukan pada masa tersebut, seperti telah dibuktikan apa yang dipraktikkan oleh Naval Group di Perancis untuk UAE. Itu sahaja tujuan saya menyatakan...

Tuan Pengerusi: So, sekarang *mast* itu masih pasang dekat sana atau sudah di...

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Kita buka baliklah, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Buka?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: ...Fasal ia masih belum *ready* untuk dipasang lagi. Ini kerana proses fasa itu tidak sampai ke tahap tersebut.

Tuan Pengerusi: Okey. So, mungkin TLDM ada ulasan tidak? Sini kata *BNS utilised a temporary module to support the mast*.

Laksamana Pertama Azuwan bin Harun [Asisten Ketua Staf Perancangan Pembangunan, Tentera Laut Diraja Malaysia]: Tuan Pengerusi, saya ingin menjelaskan di sini bahawa sememangnya *mast* itu adalah *mast* yang telah pun sedia untuk dipasang. Namun, ketika kita hendak buat pelancaran ini, perbincangan yang dibuat untuk hendak menunjukkan agar pelancaran ini dapat

dilaksanakan lebih meriah lagi, jadi kita setuju untuk memasang *mast* itu *for temporary*. Namun, sepertimana yang kita tahu, bahawa ia adalah bukanlah sebagai mandatori untuk dipasang. Itu sahaja daripada pihak TLDM.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Lumut, sila.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Kalau kita ikut penjelasan dalam prosiding yang lalu, tujuan menurunkan kapal itu ke air adalah untuk keseimbangan. *We were explained that way. So,* itu yang saya maksudkan. Adakah— *it is not that occasion*, bukan? *Different occasion?*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *It is the occasion* yang sama, Yang Berhormat Lumut. Untuk keperluan kita membuat ujian keseimbangan kapal...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Seimbang.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Hanyalah memadai untuk kapal itu diturunkan dalam air, dibuat ujian tanpa *mast* tersebut atau tanpa menara tersebut seperti yang dilaksanakan oleh pihak Naval Group di Perancis pada minggu lepas untuk kapal UAE. Itu sebagai satu bukti untuk menyatakan ia adalah konsisten apa yang dipraktikkan oleh Naval Group dengan apa yang dipraktikkan oleh BNS.

Cuma, pada masa tahun 2017 tersebut, ada keperluan untuk kita pasang *mast* ini untuk bagi nampak rupa caranya satu buah kapal perang. Jadi, kita *obligated* masa itu untuk menaikkan *mast* tersebut. Kami terpaksa menyediakan satu *temporary module that was only temporary* untuk tujuan beri gambaran *outlook* yang lebih menampakkan kapal itu sebagai kapal perang. Itu sahaja tujuannya.

Ia tidak berkaitan dengan tujuan kita untuk mengaburi mata rakyat di mana keperluan kontrak adalah mesti ada *mast* dan kami membuat *temporary module* untuk menampakkan ada *mast* itu dipasang, selepas itu kapal itu dilancarkan dan ia dikeluarkan balik *mast* itu. Tidak. Ia tujuannya adalah lebih kepada untuk memberikan satu gambaran sahaja. Bukannya ada keperluan industri, keperluan pembinaan kapal ataupun keperluan kontrak untuk ia dilaksanakan secara sedemikian. Itu tujuan saya untuk cuba memberikan penerangan sebagai tidak timbul *misconception* atas isu-isu inilah, Yang Berhormat.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *If I may add, Yang Berhormat. If your point is it is a waste of money to do it, then, yes. It is a waste of money to do it just for show. That is my view. There is no point, and it did not serve any purpose. It does look nice, and it may give an impression that the vessel is more beautiful than what it was meant to be. It was the cost that BNS had to absorb and actual cost to do this mock-up.*

Tuan Pengerusi: *How much was the approximate additional cost involved?*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *Half a million kah?*

Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah:
RM400,000.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *Chairman, I think more than that, the impression at that time is we are going to get the ship produced. Nice ship.*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *But it was not meant to mislead anyone lah.*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *Yalah, tetapi itulah impression daripada masyarakat.*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *If that was the answer, it was not to mislead anyone. It was not also meant to ask for more money from MinDef pun tidak ada. It was completely an extra cost for BNS.*

Tuan Pengerusi: *May I just check what is the industry practice ya. Because, we know in 2017, memang kapal ini belum lagi siap. Sampai sekarang pun tidak siaplah. So, what is the industrial practice yang berkenaan dengan launching ini? Launching ini sepatutnya hanya di-launched apabila at least ia ready untuk turun air and beroperasi kah or at any time—I am talking about industry practice.*

■1100

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *Tujuan untuk launching ini, Yang Berhormat, ikut standard industri ialah untuk ia diuji dari segi keseimbangan ataupun the stability of it when it is on the water with...*

Tuan Pengerusi: *But, that is called launching, is it?*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *Launching with all the major equipments yang berat—itu semua berada dan telah dipasang di kapal. Di mana kita akan membuatkan satu proses dipanggil inclination test. Kita akan letak beberapa pemberat di sisi kapal untuk melihat sama ada kapal itu bertindak balas, having the righthing moment for it to come back to be stable again.*

Tuan Pengerusi: *Okay, I think what Captain answered was more on the technical part. You need to launch the ship to make sure technically it is safe to go.*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *Ya.*

Tuan Pengerusi: *Walaupun kapal itu belum itu siap.*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *Ya.*

Tuan Pengerusi: *Akan tetapi the launching that, I think the PAC Members understand here, I think if not mistaken, Tuanku came.*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *No.*

Tuan Pengerusi: *No?*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *It is not meant launching before either ship almost completed.*

Tuan Pengerusi: *Yeah, that was in 2017. I think it was reported in the papers that Tuanku also...*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Permaisuri.

Tuan Pengerusi: *Or only Permaisuri came. And to us, the laymen outside your industry, launching meaning that there is something already been done and I go and launch it. After launch, boleh pakai. Now, there is a totally different perception being given to the public.*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Daripada segi tradisi, we call launching dengan *naming* ini hanya melibatkan satu aktiviti tradisi yang melibatkan kapal-kapal perang sahaja, Yang Berhormat. Justeru, untuk aktiviti *launching* dan *naming* itu, daripada segi tradisi dan praktis itu, memang ia dipraktikkan sebelum ini juga. Mengambil peluang aktiviti *launching* daripada segi kejuruteraan teknikal ini dan juga dilaksanakan secara bersama dipanggil upacara penamaan itu, Yang Berhormat. Ia adalah memang satu tradisi *navy* yang telah dilaksanakan sejak yang lepas-lepas.

Jadi, tiada *deviation* daripada segi tradisi dan proses. Daripada segi kontrak, memang tidak ada keperluan penamaan itu. Cuma yang ada hanyalah proses industri, ia perlu diuji daripada segi aspek *launching* dan daripada segi keutuhan dan kestabilan badan kapal apabila ia berada atas permukaan air. *Which* kita telah capai dan buktikan pada tahun 2017. Itu sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *Actually, Captain, you also cannot blame the social media out there for saying that it is just a wayang by BNS and so on. Because if I just Google Harian Metro, "Kapal Diraja Maharajalela dilancarkan". So, next, August 2017, militaryasset.blogspot, "LCS pertama dilancarkan pada minggu hadapan". So, the word 'lancar' to us, for the laymen outside is actually something it is already completed and ready to use, bukan? Of course, Captain was trying to tell us, "Look, the launching here means, it is actually something like a testing at certain level before commissioning and so on." But, when we get Tuanku Permaisuri to be here for the naming, it gives the wrong perception.*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *If I can add, Tuan Pengerusi. Kapal komersial dengan kapal navy, ia punya milestone lain-lain sedikit. Mungkin kapal komersial lagi pendek, mungkin lima milestones ataupun empat milestones sahaja. Kapal navy lagi banyak. So, bila saya Google ini, the first one is actually steel cutting and then keel laying, then stepping the mast, then launching. This is the launching that we are talking about. After that, ada christening. After pre-commissioning, ada sea trials, ada delivery, ada sail away, ada commissioning. Banyak lagi sebenarnya.*

So, bila kita hendak buat cara ringkasnya, *the launching* itu baru *milestone* mungkin keempat macam itu. Ada empat dan lima lagi *milestones* yang akan datang. Akan tetapi kita tidak bermaksud hari itulah juga hari penghabisan kita *handover* kepada *navy*.

Jadi, betul Tuan Pengerusi cakap tadi, *the media may have misinterpreted* ataupun *taking the word literally launching* itu memang betul untuk hendak mengeluarkan kapal. Akan tetapi ia tidak semestinya sudah *ready* untuk digunakan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Akan tetapi cuba bayangkan, ambil gambar ini pada hari *launching*. *Next few weeks*, tidak ada benda itu, tidak ada *mast* itu. Macam mana kita hendak ceritakan kepada rakyat?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *Mast* itu ada, Yang Berhormat. Ada dalam stor kita.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Itulah. Tidak ada di kapal. Kalau saya ambil gambar kapal-kapal itu *without the mast*...

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Daripada segi proses, memang...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Betullah proses. Ini cerita wayang ini. Cerita wayang ini...

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Saya bukan hendak cuba menuding jari kepada pihak awam ataupun rakyat kita. Cuma, kita perlu sedar dan juga sensitif sentimen rakyat kepada projek ini. Itu yang kita ikuti perkembangan dengan komen-komen rakyat terhadap projek ini. Seberapa banyak yang boleh, seperti dalam forum-forum sebegini, kami cuba memberi penerangan dan penjelasan kepada pihak berwenang agar lebih memahami apa sebenarnya yang berlaku daripada kita hanya melihat daripada aspek apa yang dilontarkan di wacana umum. Justeru, tujuan saya bukan untuk menyalahkan pihak umum. Tidak, Yang Berhormat.

Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: *Chairman, can I?*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Cuma, saya hendak memberi— kita sedar dan mungkin dalam masa mendatang ini pihak syarikat perlu lebih proaktif dan cuba memberi penjelasan lebih tepat agar ia tidak disalah tafsir oleh pihak rakyat. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Naib Pengerusi.

Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. So, saya boleh katakan di sini bahawa *launching* untuk tujuan LCS ini bukan berertinya kapal itu sudah boleh menjalankan tugasnya?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Betul, Yang Berhormat.

Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd

Dun: *I think we have to make that decision.*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *It can call, macam halfway sahajalah.*

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. So, Yang Berhormat Sik, ada? Okey, selepas Yang Berhormat Sik, saya minta Kepten sambung. Yang Berhormat Sik, sila.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Kita bincang hal yang sudah lepas. Cuma, yalah, mungkin ke depan, kita perlu *clear* sebelum kita hendak buat apa-apa itu.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *Lesson learned.*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Daripada segi persepsi itu penting. Ini sebab kalau macam saya di kawasan, saya buat pelancaran kepala paip air contohnya, orang akan datang dan kata sudah boleh guna. *[Ketawa]* Orang kampung kata sudah lancar ini. Jadi, itu maksudnya. Jadi maknanya, daripada istilah *launching* dan sebagainya, itu perlu diteliti. Mungkin kita anggap itu sebagai sempena lawatan, sebagai perasmian dan sepatutnya begitu.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Yalah, maksudnya buat *end product or end milestone* sahajalah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: *End product.* Sebab rakyat akan kata, "Oh, dah siap kapal ini, sudah boleh guna sudah", tiba-tiba tidak siap-siap. Itu maksudnya.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Sila. Ada lagi?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ini saya pun sudah sentuh sebelum ini. *[Merujuk pada slaid pembentangan]*

Tuan Pengerusi: Ini sudah sentuh. Boleh *skip* lah.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ini berkenaan transformasi TLDM. Dengan izin, saya paparkan di sini apa yang telah disentuh oleh Encik Sharifuddin sebentar tadi. LCS ini adalah salah satu daripada lima kelas kapal pada masa hadapan yang diunjurkan oleh pihak TLDM. Justeru, ia berada dalam perancangan strategik TLDM.

Untuk *socioeconomic benefits* daripada segi *economic enhancement programme* juga telah saya bentang sebelum ini.

Tuan Pengerusi: *I think this part you have presented before.*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ini pun telah kita sentuh sebentar tadi. Berkenaan *design* ini, sedikit gambar dan juga hasil kerja yang telah dilaksanakan oleh pihak BNS sebagai untuk memberi gambaran secara kasar kepada forum. *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Melalui lawatan tapak nanti, saya akan berikan

sedikit penerangan lebih dekat. Untuk memberi gambaran tentang peralatan-peralatan utama yang telah dipasang di kapal, kebanyakan peralatan-peralatan utama yang telah dipasang di kapal, terutamanya untuk kapal 1, kapal 2, kapal 3, kapal 4. Saya pun ada hasilkan satu video untuk memberi gambaran lebih dinamik kepada proses inilah.

■1110

Sebagai satu usaha penambahbaikan juga, *moving forward*, Yang Berhormat, pihak syarikat juga merancang untuk memperkenalkan satu proses pemantauan projek yang dapat diakses secara terbuka atau lebih *transparent*. Lebih terbuka dan telus. Kita cuba hendak perkenalkan satu aplikasi *software* yang boleh diakses oleh semua pemegang *stakeholders* pada projek ini untuk mereka mengetahui status projek itu secara *real-time anywhere* melalui telefon, aplikasi komputer dan sebagainya. Ia dalam proses dan kita akan cadangkan untuk ia diadaptasi untuk projek ini dan juga untuk dapatkan kelulusan daripada pihak kerajaanlah kerana ia bakal melibatkan proses kawalan kerahsiaan maklumat. Cuma, untuk aksesnya akan agak dihadkan dan dikawal nanti.

Tujuan utamanya juga untuk memberi satu proses pemantauan projek yang lebih telus dan terbuka. *Because, I* akan memberi sedikit gambaran tentang lokasi-lokasi bilik stor yang digunakan dalam premis syarikat untuk proses simpanan peralatan dan juga sistem yang telah kita terima untuk kapal-kapal. Mungkin saya akan mainkan video untuk memberikan gambaran yang lebih jelas kepada Ahli-ahli PAC dan forum.

Ada satu maklumat penting yang saya hendak bangkitkan di sini ialah isu kos ataupun *value* peralatan-peralatan yang disimpan di dalam stor kita. Kita anggar dalam RM1.7 bilion yang masih lagi berada dalam stor ataupun bilik simpanan, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *All these you all have already paid for?*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *Not all.* Sebahagian.

Tuan Pengerusi: Sebahagian. Satu soalan umum ataupun *general question*. *How many of these stocks already obsolete?*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Kita ada proses pemantauan yang *very* terperinci. Kita membuat laporan kepada Pasukan Projek TLDM secara bulanan, Yang Berhormat. Kita anggarkan kalau daripada segi *percentage*, sekarang ini dalam 15 peratus yang telah menjangkau atau menghampiri proses *obsolete*.

Tuan Pengerusi: 15 peratus?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ya, 15 peratus.

Tuan Pengerusi: Sila sambung.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ini ialah lawatan— *just to share* lawatan Yang Berhormat Mantan Menteri Pertahanan pada November tahun lepas. Yang Amat Berhormat— sekarang ini Perdana Menteri— Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah datang melawat dan meninjau kemajuan kerja secara dekat pada tahun lepas, yang membawa kepada keputusan Kabinet pada Mei tahun ini untuk meneruskan projek pembinaan enam buah kapal ini dengan ketetapan beberapa syarat yang perlu dipenuhi oleh pihak syarikat.

Mohon saya, dengan izin, hendak *share* sedikit satu video.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

[*Tayangan video*]

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Sekian sahaja taklimat daripada pihak saya, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Kepten atas pembentangan taklimat dan juga jawapan yang telah pun diberikan kepada PAC. Saya ada beberapa soalan lagi.

Kita balik kepada keputusan Kabinet 7 Mei 2021. Kita sedia maklum ada beberapa syarat. Nombor satu adalah supaya BNS membuktikan dalam masa tiga bulan pada bulan Jun untuk mendapatkan satu pinjaman ataupun *funding— for you to raise fund* untuk RM4 bilion. Itu nombor satu. Soalan saya, boleh atau tidak mengesahkan bahawa sampai sekarang memang RM4 bilion itu masih belum lagi di-raise? Itu nombor satu.

Nombor dua adalah berkenaan dengan *detailed design*. Dalam keputusan Kabinet itu, ada dinyatakan bahawa *detailed design* hendaklah dimuktamadkan pada bulan Januari 2020. *Anything has been done on that?*

Nombor tiga, persoalan saya, ialah kita sedia maklum sekiranya keputusan Kabinet pada 7 Mei itu dilaksanakan, RM3 bilion yang baki itu tidak akan dibayar terus kepada BNS tetapi akan dibayar terus kepada OEM ataupun vendor bagi BNS. Sekiranya keputusan ini dilaksanakan, sama ada BNS mampu untuk tahan dengan pembayaran yang tidak akan dibayar kepada BNS tetapi terus kepada OEM ataupun sub kontraktor?

Itu tiga soalan saya bagi keputusan Kabinet 7 Mei. *The first question is on the RM4 bilion.*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *Okay, I will answer the first question please. Cost overrun, memang betul RM4 bilion. Untuk Cabinet Meeting pada bulan Mei itu hari, apa yang kita propose sebenarnya adalah kita minta contract value ataupun order book sebanyak RM53 bilion supaya kita boleh raise our own sukuk supaya kita boleh bayar balik duit RM4 bilion yang kita ambil untuk hendak*

menyiapkan kapal. Ada beberapa benda itu. *Order book, raise of sukuk and to pay back the loan.*

Tuan Pengerusi: *Order book, meaning that is a government commitment for the future project.*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Ya, betul.

■1120

Tuan Pengerusi: *So, you are proposing future projects of RM53 billion?*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *Correct.*

Tuan Pengerusi: *Okay, got it, right.*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *That proposal of RM53 billion order books* adalah untuk kerja-kerja membuat lebih LCS dan juga untuk buat MRO untuk 30 tahun.

Tuan Pengerusi: *MRO stands for?*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *Maintenance, repair and overhaul.* Bertukanglah. *Repair.* So, keputusan Kabinet yang kita dapat selepas itu hanyalah MRO atau pun *full-life support (FLS) for the vessel* hanya untuk tiga tahun, bukan 30 tahun. *So, by the process of deduction, it's only 10 percent* lah of the *order book* yang kita dapat. *So, kalau 10 percent order book* yang kita dapat, kita tidak dapatlah hendak *raise RM4 billion cost overrun* itu. Itu ia punya *reason*.

Keduanya, *detailed design*.

Tuan Pengerusi: *Ya, detailed design supposed to be in January?*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Okey, untuk *detailed design*, cerita fasal Januari ini, Yang Berhormat, ia tidak akan dapat dicapai oleh BNS. Ini kerana kita masih lagi menunggu input-input data berkaitan beberapa peralatan yang masih tidak dimuktamadkan tersebut.

Kedua ialah kami tidak berupaya juga untuk membuat pembayaran kepada Naval Group untuk membuat penilaian atau proses verifikasi kepada *detailed design* yang kita buat. *So, untuk detailed design* ini, kita memberikan unjukan kepada kerajaan. Ia setelah mengambil kira maklum balas daripada Naval Group, di mana mereka memerlukan sekurang-kurangnya 12 bulan selepas *remobilisation of the project* untuk dia membuat proses verifikasi dan *approval* kepada *detailed design* yang baki inilah.

Tuan Pengerusi: *But, that is also very much subjected to your ability to pay them, right?*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Betul.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ya, Yang Berhormat, sama. *So, ability to pay* itu akan beri kepada tarikh mulalah untuk mereka memulakan kerja semula.

Tuan Pengerusi: So, itu juga bergantung pada soalan ataupun jawapan yang pertama tadi berkenaan dengan *the ability to raise RM4 billion*, bukan?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ya, Yang Berhormat. Ia berhubung kait. Berhubung kait.

Tuan Pengerusi: So, soalan ketiga daripada saya adalah— *okay, if at all these proposals* daripada Kabinet jalan, katakan *you are able to raise RM4 billion*, then katakan *the detailed design everything, no issue. Government has no issue for you to run in the next 12 months* untuk dapatkan *detailed design* dan sebagainya. Masalahnya, kerajaan hanya akan membayar kepada *your sub-vendor, your OEM* dan bukan BNS *directly. Can you still afford to complete the project without this RM3 billion being directly paid to you? You may not have any cash flow. Of course, apart from the RM4 billion that you are going to have.*

So, my question is, assuming the RM4 billion you managed to raise with whatever conditions, assuming the government has no problem in letting you another 12 months to get the detailed design done, so, would you be able to continue and complete the project tanpa baki RM3 bilion itu masuk kepada BNS secara terus? *The RM3 billion will be used for your vendor and not you.*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Okey. Benda ini ada kena mengena dengan *so-called risk mitigation to reduce the risk versus cash flow versus riding at the lowest cost of completing the task. Now*, daripada segi kita punya objektif sebenarnya, Yang Berhormat, kita punya opsyen *always about the lowest cost. Okey? The lowest cost.*

So, when we evaluate the option of lowest cost, it is always about kita guna dahulu duit, *the remaining contract value, then after that* baru kita guna *the RM4 bilion* yang kita akan *raise*. Ini kerana kalau kita guna RM4 bilion yang kita *raise* awal-awal, *that means* kita akan *incur the cost* lagi awal dan kalau macam itu, *the whole project cost will increase. So*, daripada segi *cash flow*, kita punya *priority is to* guna *the remaining contract value* dahulu.

Now, katakanlah kerajaan kata tidak boleh, *you* kena pakai *you* punya RM4 bilion punya dulu. *Then*, silap-silap RM4 bilion itu tidak mencukupi. Mungkin akan jadi RM4.3 bilion ataupun RM4.4 bilion fasal kita kena bayar untuk *interest* untuk duit yang kita gunakan dahulu sebelum kita gunakan *the remaining contract value*.

Akan tetapi, saya rasa kalau kerisauan pihak kerajaan adalah untuk kita tidak hendak bayar dengan sewenang-wenangnya kah, apakah, jadi kita memang sudah *proposed* untuk kita membuatkan *committee* baharu untuk menolong atau memantau kita. *Can be very senior at the KSN level or KSU level for everyone to intervene. Even* PAC pun boleh *intervene* kalau hendak. Kalau macam itu, lagi kurang kos

untuk kita. *While at the same time delivering your concern on how we spend the money.*

Tuan Pengerusi: *Okay, I have at least one more question. Now the whole project, of course, for the first-time reader reading the project, the people out there will say, number one, the project costs RM9 billion dan nombor dua, jumlah yang telah pun dibayar oleh kerajaan kepada BNS ialah RM6 bilion. Menurut Laporan Ketua Audit Negara dan pada hakikatnya, memang none of the ships have been completed. So, that is a matter of fact. So, persoalan di luar adalah, di manakah perginya RM6 bilion itu?*

So, soalan saya hendak ajukan kepada pihak BNS. Nombor satu, RM6 bilion yang dibayar oleh kerajaan, nombor satu, sama ada wang itu pernah digunakan untuk pembiayaan projek-projek yang lain? So, itu satu.

Nombor dua, pernah dibangkitkan oleh mantan Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong pada ketika itu iaitu beliau pernah kata, ada satu jumlah sebanyak RM1 bilion yang mana ia tidak dapat— it cannot be certified where has the money gone. So, that was what was said by Senator Liew Chin Tong, when he was the Deputy Defence Minister and also at the same time, this issue was actually raised to Mr. Low during the last proceeding. So, two issues from me.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *Tuan Pengerusi, soalan yang pertama tadi apa again? Sorry.*

Tuan Pengerusi: *Okey, soalan pertama ialah RM6 bilion telah pun dibayar kepada BNS.*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *I see. Okey. Faham.*

Tuan Pengerusi: *So, sama ada RM6 bilion itu digunakan sepenuhnya untuk pembiayaan projek ini ataupun ia telah pun digunakan untuk pembiayaan projek-projek sebelum ini?*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, ada cost overrun berjumlah RM400 juta daripada RM6 bilion yang diterima daripada kerajaan telah digunakan untuk melunaskan hutang-hutang lapuk berkaitan dengan projek NGPV sebelum ini. Saya bagi anggaran ya. Kalau hendak detail, I kena refer some specifics.*

RM400 juta untuk hutang lapuk New Generation Patrol Vessel, projek yang sebelum ini. RM305 juta untuk keperluan fasiliti integrasi di Cyberjaya. Shore integration facility dan software integration facility yang telah dibayar oleh pihak syarikat dan diguna pakai di dalam membuat proses integrasi peralatan combat system.

So, RM400 juta untuk NGPV, RM305 juta untuk shore dan software integration facility. Selebihnya lebih kurang RM700 juta juga untuk...

Tuan Pengerusi: Selebihnya berapa?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ada lagi RM700 juta tambahan. So, lebih kurang *about RM1.4 billion* yang digunakan. RM700 juta yang ketiga ini digunakan *cost overrun* masih kepada projek LCS tetapi ia melebihi bajet asal yang ditawarkan kepada pihak kerajaan dalam *ceiling of scope* RM9 bilion itulah. So, ini ialah isu dalaman pihak BNS.

■1130

So, kalau Yang Berhormat tanya soalan tadi kepada RM6 bilion yang menyebabkan ada *cost overrun* itu, *about RM1.4 billion* itu, ia sama ada yang tidak berkaitan dengan Projek LCS *I think* yang RM400 juta tadi kepada NGPV, RM305 juta itu tidak termasuk dalam skop asal LCS untuk *shore integration facility, software integration facility* dan selebihnya RM700 juta untuk *cost overrun due to design* LCS yang tidak dikawal oleh BNS daripada segi kos kepada projek. Akan tetapi, daripada *RM1.4 billion* yang saya *mentioned* itu, hanya RM400 jutalah yang tidak berkaitan langsung dengan LCS. RM1 bilion itu berkaitan dengan LCS, cumanya tidak termasuk dalam skop asal kontrak RM9 bilion yang ditandatangani dengan kerajaan. Ia *more* kepada *cost overrun* dengan pihak syarikat.

Tuan Pengerusi: So, *that is why all the—* sekiranya kita nampak di sini ya, RM1.4 bilion tadi disahkan sebanyak RM400 juta memang *it has nothing to do with* LCS. Akan tetapi kedua-dua yang lain memang ada kaitannya dengan pembinaan LCS.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: So, *that RM1 billion is not small money. It is like more than 10 percent of your total contract cost.*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ya.

Tuan Pengerusi: So, apabila sekiranya dalam perjanjian yang ditandatangani— *which I am pretty sure that you punya project team and your management would have thought about that and you cannot only think about this and make payment after the perjanjian was entered and make it a cost overrun. So, what is your ulasan over this?*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Okey.

Tuan Pengerusi: *I think it is more than poor management. It is more than poor management. It is not merely poor management.*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Secara jujurnya, apabila saya ambil alih projek ini, Tuan Pengerusi, itu adalah antara perkara-perkara utama yang kita temuilah daripada segi proses tadbir urus dan juga proses pengawalan kos dan juga pengawalan kewangan projek ini di mana ia tidak dikawal secara tuntas dan telus ya. Kebanyakannya telah berlaku sebelum tahun 2016. Kontrak-kontrak asal projek ini

dianugerahkan kepada syarikat pihak kontraktor yang lainlah. Seperti RM400 juta pembayaran hutang lapuk BNS kepada NGPV punya projek ini, ia dibuat bayaran dalam tahun 2014 dan 2015.

Ya, secara umum, memang ia satu isu pengurusan yang bermasalah. Akan tetapi, ia diambil tindakan daripada segi siasatan yang telah saya maklumkan tadilah, Tuan Pengerusi, untuk pihak-pihak yang terlibat dalam proses membuat keputusan, mereka yang terlibat dan bertanggungjawab untuk memastikan tadbir urus itu dilaksanakan dengan baik perlu menjawab dan bertanggungjawablah.

Ini kerana, kami bertiga di sini cuba untuk cari jalan penyelesaian terbaik untuk kita bergerak ke hadapan. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Untuk proses mencari siapa yang salah dan siapa yang bertanggungjawab itu, kami serahkan kepada *due process* yang adalah. Itulah. *Alright*.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Saya hendak tambah satu lagi sebelum saya menjemput soalan berkaitan. Daripada RM9 bilion projek ini, so apabila projek ini di-award-kan kepada BNS, *what is the percentage* ataupun *margin of your profits like during that time? Because we are talking about cost overrun of RM1.05 billion*.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Okey.

Tuan Pengerusi: *So, your cost overrun cannot be more than your margin.* So, berapa margin pada ketika itu yang dalam pengiraan pihak BNS?

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *The official* pengiraan ataupun *justification*, saya tidak pernah nampak, Tuan Pengerusi. Maksudnya *the feasibility studies*, berapa harga dan berapa ini semua, tidak ada dokumen itu. Akan tetapi secara kasar-kasar, saya telah diberitahu yang *our so-called margin* sebanyak 10 peratus. Ya.

Tuan Pengerusi: *Okay. Ten percent.*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *In which*, hari ini kalau kita sambung, memang tidak ada *margin* sudah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Hari ini kalau kita sambung, memang hendak menyiapkan kerja sahaja.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Lumut. Sila.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Ya, terima kasih *Chairman*. Saya juga ingin merujuk balik kepada kenyataan CEO tadi mengenai usaha-usaha untuk mengurangkan pemberian *jobs* yang sampai kos berlebihan.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *la direct*. Ya, ya.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *You* ada sebut lebih kurang RM400 juta hingga RM500 juta tadi.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Ya, ya.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Adakah itu merupakan punca kepada *cost overrun* bagi sesetengah di sini dan adakah rekod yang telah tidak disusun tentang perkara tersebut ya?

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Okey.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Keduanya, kalau kita melihat *Dashboard* tadi itu, LCS 6 ini sudah ada *21 percent progress*. Jadi, saya *assume that 21 percent progress is contributed by the design* punya *progress* lah kot ya and *not the construction* begitu. *Because* setahu kita, LCS 6 ini belum mula.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *Construction* belum mula, sebahagian barang sudah ada.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Barang sudah adalah?

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Yes.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Begitu ya.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *Zero. Zero.* Untuk LCS6...

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *Construction* kosong.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Kosong.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: LCS6, *construction* kosong, Tuan Pengerusi.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Akan tetapi, insentif yang ada itu?

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *Itu equipments. Also, the global cost. We have to remember global cost.* Maksudnya kos macam daripada segi *design* yang kita buat satu kapal atau enam kapal...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Tidak. *I think* kalau segi *progress of construction, progress* untuk kapal 6 masih kosong, Yang Berhormat Lumut. Kapal 6 kosong, yang ada 16 peratus ialah kapal 5.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Keduanya, saya ingin bertanya, semasa merangka kos ini, permintaan dalam kontrak kepada kerajaan sejumlah RM9 bilion ini, isu hutang lapuk ini sudah dimasukkan atau— *MinDef, are you aware about that?*

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Saya, Yang Berhormat. Berdasarkan pembacaan dan *discussions* yang kami ada, hutang lapuk tiada *documented* di mana-mana. Hanya secara lisan sahaja. Tiada dokumen yang menyatakan bahawa BNS perlu menyelesaikan hutang lapuk sebanyak RM405 juta. Arahan itu tidak ada.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Tiada dokumen persetujuan lah, antara syarikat dengan kerajaan itu tidak ada. Akan tetapi, *of course*, kita ada dokumen yang mengatakan kita sudah langsaikan hutang itulah.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Arahan itu tidak ada.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Arahan itu tidak ada.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Jadi, saya hendak bertanya Jabatan Audit Negara. Ertinya projek yang awal *patrol vessel* itu pun tidak selesai dengan *whatever* peruntukan yang telah disediakan sampai terhutang lagi RM400 juta ini?

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Betul.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Secara umumnya, syarikat ini dilantik untuk menyelesaikan penyiapan yang enam buah *patrol vessels* itulah.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Kapal lama.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Kapal lama dengan bebanan-bebanan hutang dengan juga komitmen yang lain. Itu sahaja.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Yes.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Mungkin maksudnya, Yang Berhormat, kerajaan menganugerahkan projek yang kedua ini dengan margin 10 peratus itu ialah untuk BNS mengguna pakai margin itu juga untuk membayar hutang lapuk itu sekali.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: So, kata tadi 10 peratus, RM900 juta. RM400 juta daripada RM900 juta itu untuk membayar hutang lapuk dan marginnya sebenarnya dalam RM500 juta sahaja. Akan tetapi, apabila ia berlangsung, banyak lagi ketirisan dan isu-isu lain yang timbul yang menjadikan kita dalam kemelut semasa.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Bukan apa ini, Tuan Pengerusi ya. *We have been saying that the six patrol vessels*, yang dua buah di *Germany* dan empat buah di *Malaysia* itu, *it is a colorful event* lah. *Success for the company*. Akan tetapi *it looks like*— rupanya hutang itu belum sah.

■1140

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Ada ekor lagilah. *[Ketawa]* Ya.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Jadi, macam mana kita hendak— *how do we reconcile that project* itu masa itu? Dilihat tidak adakah permohonan ketika itu dibuat untuk pertambahan kos OPV semasa itu sampai secara kita tidak sedari ada di dalam— tidak ada dalam kontrak yang baharu ini ya? Tidak ada disebut.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Tidak ada. Cuma, sebagaimana yang dikatakan oleh Kepten Azhar tadi itu, *the element of price* yang diletakkan kepada LCS itu mengambil kira jugalah tanggungan-tanggungan yang perlu dibayar. Itu sahaja. Cuma, apabila ekor selepas daripada itu, dia kata, ada lagi elemen-elemen isu yang timbul yang mana menjadikan *cash flow* itu memang tidak mencukupi.

Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Bolehkah dikatakan bahawa daripada projek enam LCS ini tadi, syarikat akan juga menggunakan keuntungan yang lebih untuk membayar hutang lapuk terdahulu? Betul tidak itu?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Betul, Yang Berhormat. Itu adalah perkiraan rundingan kontrak LCS yang lepas sebenarnya.

Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Yang Berhormat Kluang, *you want to ask?* Silakan.

Puan Wong Shu Qi: Ya, terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Saya ada satu soalan ya iaitu pembayaran RM6 bilion oleh kerajaan kepada syarikat BNS ini, adakah kesemua jumlah pembayaran ini sudah habis dibelanjakan?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Puan Wong Shu Qi: Tidak ada sikit— okey, terima kasih. Boleh rekod ya.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ya, Yang Berhormat.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *It is okay. Just to share with you* juga, Yang Berhormat. Yalah, sementara kita tunggu penyelesaian VO itu, kita masih meneruskan pembayaran kepada bank. Bank, dia tidak kisah kita dapat *payment* kah, tidak *payment*, kita punya obligasi kepada bank berterusan. *So, for the past few years, we have not had any significant revenue. So, we continued to pay to the bank.* So, sampai hari ini, memang duit kita sudah habis. Malahan, *company* memang tidak ada duit dan memang akan lingkup pun besok silap-silap. Kalau tidak pun, minggu depan. Kita sudah potong gaji staf sejak bulan Oktober tahun lepas dan kita sudah tidak bayar EPF sejak bulan Mei tahun ini.

So, memang sudah tidak ada duit. Apa yang agak menolong kita ialah duit-duit yang daripada *companies* yang lain ataupun aktiviti-aktiviti yang lain. Contoh, kita buat *ship repair* untuk TLDM. *So, yang sekarang ini LCS is a new ship building. Ship repair*, masih berterusan. Duit itulah kita ambil dan kita bayar bank untuk membuat bayaran *to* LCS. *Of course* lah, kapal *ship repair* pun akan tergendala dan *of course* lah, TLDM pun marah. Akan tetapi kalau saya tidak buat begitu, maka malam tadi lagi sudah lingkup sudah *company* ini.

Bank sudah masuk sudah. Kita sudah PN17 sudah lama sudah sebenarnya. *It is very, very critical. Very, very critical. PN17 is a non-reversible milestone. Once you cross the line, even if you give us the money five minutes later, it would not have made any difference to the process.* Ya.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Wong Shu Qi: Tuan Pengerusi, boleh saya tanya?

Tuan Pengerusi: Ya. Yang Berhormat Kluang. Selepas itu, Yang Berhormat Sik ya. Okey.

Puan Wong Shu Qi: Bila kesemua RM6 bilion ini dibelanjakan?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Saya tidak ada *exact* tarikh, Yang Berhormat Kluang. Akan tetapi yang jelas, *by November 2019*, kita sudah memang tidak ada duit hendak bayar kontraktor dan juga vendor.

Tuan Pengerusi: Okey. Yang Berhormat Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Sikit. Mungkin saya tanya dahulu kepada Datuk. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan pada Khamis lalu dalam perbahasannya itu, disebut *timeline*-nya ialah tahun 2025, dengan penuh keyakinanlah akan dapat disiapkan. Jadi maknanya, kita punya kedudukan dan kekuatan BNS ini sama ada bersedia ataupun tidak dengan *timeline* itu...

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: ...Ataupun kita balik rujuk— ada kenyataan yang disebut oleh bekas Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang sekarang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ada satu opsyen yang dikatakan bahawa hanya sekurang-kurangnya dua buah kapal sahaja yang boleh disiapkan untuk satu tempoh ini dan tidak pun maknanya dapat diselesaikan keenam-enam buah kapal itu.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan itu, kami mengambil *queue* ataupun susulan keputusan daripada Jawatankuasa Siasatan Khas juga dan juga daripada Jemaah Menteri pada 7 Mei yang mana bersetuju untuk keenam-enam buah kapal diteruskan.

Merujuk kepada pernyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan pada pengumuman baru-baru ini bahawa kapal pertama dijangka akan siap pada tahun 2025, itu adalah *indicative* yang kami telah sediakan.

Untuk makluman, pihak MinDef bersama-sama dengan Boustead, semua *all the players*, kami telah mengadakan beberapa siri runding cara dengan pihak Kementerian Kewangan dan juga Unit Perancang Ekonomi, *even* beberapa *financial institutions*, yang mana kita telah mempunyai hala tuju yang agak cerah untuk

memulihkan dan meneruskan pelaksanaan projek ini bersama Boustead, bersama penyelia asal.

Dengan apa yang kita dapat daripada hala tuju ini, Yang Berhormat, kita akan bentangkan. Itu yang saya cakap tadi, bentangkan seawalnya pada minggu pertama Januari sebab kami *missed* yang tahun ini untuk Jemaah Menteri. *Insyallah*, kami akan bentangkan di situ yang mana itu akan men-*detail*-kan lebih lanjut berkaitan dengan pelan hala tuju ini yang mana berkisar juga dengan RM4 bilion tadi, berkisar juga atau berkaitan dengan *how we are going to deliver*. Perkara ini daripada segi kewangannya telah pun dipersetujui bersama dengan semua ahli. Daripada segi *operational deliverables*-nya, teknikalnya telah pun dibincangkan secara *detail* dan semuanya.

Dengan itulah yang dijangkakan bahawa kapal pertama bakal siap—maksudnya *physical handover* ya. Apabila cakap tahun 2025 ini, *physical handover*. Apa yang dikatakan tadi yang 22 bulan itu hanyalah *floating* sahaja yang akan mengambil masa selama 22 bulan untuk ia punya *sea trial*. Maknanya, *physical handover* dijangka yang pertamanya pada tahun 2025 dengan meneruskan pelan hala tuju pemulihan yang akan kami bentangkan ke Jemaah Menteri.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Itu untuk LCS 1?

Datuk Dr. Shahrizat binti Haji Ahmad: Itu untuk *milestone* yang pertama LCS 1 dan seterusnya pada setiap tahun sehinggalah tahun 2028 lah, *insyallah*, kesemua LCS akan dapat diserahkan.

Akan tetapi, *along the line* itu, untuk makluman Yang Berhormat, dalam pelan kami juga, kami tidak akan membiarkan projek ini berjalan tanpa pemantauan. Kita akan adakan *a few milestones, checking milestones* untuk setiap *deliverables* kapal itu.

Di samping itu, sebagaimana Tuan Pengerusi tanya tadi, Boustead juga telah bersetuju bahawa elemen pembayaran secara terus kepada OEM akan diteruskan. Maknanya, kita akan *check and balance* di situ dan diletakkan juga elemen-elemen kawalan yang lainlah untuk kawalan.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Kluang, sila.

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi, saya ingin minta pandangan daripada Datuk. Apakah rancangan MinDef sekiranya Boustead menjadi bankrap?

Datuk Dr. Shahrizat binti Haji Ahmad: Bankrap ini kalau misal kata *PN17 took place* ataupun *they failed to deliver the first ship*, kita akan menguatkuasakan klausa-klausa kontrak, penamatan akan dibuat. Apabila penamatan akan dibuat, kami merancang bahawa dalam dokumen kontrak yang akan kita buat nanti, kita akan memperjelaskan hak-hak kepentingan kerajaan. Sekiranya penamatan

berlaku, *assets, all those designs belong to the government*, yang mana kita akan boleh meneruskan kontrak ini dengan pihak-pihak lain dengan lebih teratur.

Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd

Dun: Tuan Pengerusi, boleh saya tanya Datuk?

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Akan tetapi itu daripada...

Tuan Pengerusi: Okey. Yang Berhormat Setiu— Yang Berhormat Kluang, sudah?

Puan Wong Shu Qi: Ya, jadi hendak minta pandangan pihak TLDM...

Tuan Pengerusi: Selepas itu, Yang Berhormat Beaufort. Sila.

Puan Wong Shu Qi: Ya. Sekiranya berlaku kejadian sebegitu, apa pandangan atau rancangan daripada TLDM?

Tuan Pengerusi: *So, in the worst-case scenario, BNS is wound up.*

Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah: Tuan Pengerusi dan Ahli panel PAC, *if we announce BNS fallout, bankrupt for example, we would not get the ships definitely and contract will be terminated. Of course, terminated also no point, because it is not existed anymore. It is bankrupt. The question here is, is it going to be in the Court Order? Because the government has to claim design, for example, and equipments as what had happened to NGV Tech before with Maybank. Bankers.*

■1150

There are two ways. Whether government has to go to the court to get back all the hardware and designs. The next phase is how to recover. This is a long way to go and I foresee, it is very problematic. My personal view, it is problematic. It is not an easy task, because to undertake the design, you must know how and need another entity to do that. That is my view, Yang Berhormat. Basically Navy won't get the ship and if you're going to get the ship, it will be very high risk.

Tuan Pengerusi: Okey, Encik Sharifuddin. *Just now you wanted to say something?*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *There are a couple of points.* Tadi yang Datuk Shahrazat cakap itu dari segi impak kepada MinDef. Saya hendak tambah sedikit dari segi impak kepada Boustead dan juga LTAT.

Kalau BNS lingkup, BHB pun akan lingkup dan LTAT pun akan kerugian antara 21 kepada 46 peratus *of its fund size*. *As a result of* ia punya domino effect itu. *So, it is not just about* kita stop operasi di BNS tetapi stop operasi di Boustead Holdings. Maksudnya, *plantations*, PharmaNiaga, Boustead Properties, Boustead hotels semua akan terjejas. *It will go really very far, then LTAT will lose about up to about 46 percent fund size-nya.* Impak itu agak terlalu besar sebenarnya.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Beaufort. Sila.

Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd

Dun: Terima kasih Yang Berhormat *Chairman*. Saya dengar tadi dengan teliti *your situation*. *You are situated right here in TLDM, right? That must mean something. Very real.* Jadi, tadi Encik Sharifuddin, CEO, mengatakan bahawa esok mereka boleh bankrap. Saya hendak tanya kepada MinDef. *Are you going to allow that to happen?*

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Dalam erti kata apa yang Encik Sharifuddin katakan, *anytime* sekarang ini, *even a few weeks ago* pun, *the bankers are hunting Boustead*. But, apa yang *pacify the bankers* are that they are knowing that we are having something on our table.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Yes. Ada *Cabinet Meeting* akan datang. Itu yang membuatkan mereka...

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Yes. *That's* yang *soften the banker*. Thank you.

Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd

Dun: Ada perkara tadi disebut tentang— disebut oleh Kepten tadi bahawa ada perkara-perkara dalaman yang sudah berlaku itu bahawa mereka telah pun merujuk kepada SPRM. Saya hendak tahu daripada SPRM, *can you confirm?*

Tuan Pengerusi: SPRM, sila. *It's okay. Take this seat.*

Puan Hamidah binti Aziz [Pegawai Siasatan (Bahagian Siasatan)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]: Yang Berhormat, bagi pihak SPRM, siasatan masih diteruskan. Kita tidak boleh hendak itu lagilah.

Tuan Pengerusi: So, kertas siasatan buka bila?

Puan Hamidah binti Aziz: Tahun ini.

Tuan Pengerusi: Tahun ini, bulan bila?

Puan Hamidah binti Aziz: Dalam bulan tigakah?

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Encik Mazery bin Mohd Zaini [Pegawai Siasatan (Bahagian Siasatan)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Untuk siasatan SPRM, kita mulakan siasatan pada Februari 2021. Siasatan masih lagi diteruskan sehingga hari ini. Terkini, *last week* saya ada berjumpa dengan Encik Sharifuddin lah untuk dapatkan input-input terkini. Untuk input-input yang kami perolehi pada hari ini juga kami akan jalankan siasatan seterusnya.

Tuan Pengerusi: Kebiasaannya berapa lama SPRM akan mengambil untuk menyelesaikan siasatan setiap satu kes?

Encik Mazery bin Mohd Zaini: Yang Berhormat, untuk satu-satu siasatan yang kita laksanakan, ia bergantung kepada macam mana kesalahan itu berlaku.

Macam kes Boustead yang kami sedang siasat, kebanyakannya *payment* berlaku di luar negara. Ia memerlukan satu tempoh masa yang agak lama kepada pihak SPRM untuk mendapatkan input-input, *since* pembayaran banyak di luar negara. *Money trail* yang kami lakukan pun perlukan dua *parties*. Maknanya, di Malaysia dan juga di luar negara. *That's why it takes time.*

Tuan Pengerusi: *Have you all got the Bank Negara Malaysia involved in all the money trails?*

Encik Mazery bin Mohd Zaini: Bank Negara Malaysia *is* salah satu daripada *party* yang kami minta bantuan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Sudah hampir sampai jam 12.00 tengah hari. Ya, Yang Berhormat Sik, sila.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Untuk TLDM, kesan kepada kelewatan ini, apa efek kepada pertahanan kita di Laut China Selatan yang sekarang ini? Mungkin boleh komen sedikit.

Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah: Aset ini *navy* perlu kerana ia *full-fledged combatant*. *Full-fledged combatant* bermaksud *capability* untuk tempuh perang di Laut China Selatan di udara, permukaan, bawah permukaan, *submarine*. *At the moment*, kita ada *gap* kerana seperti dimaklumkan iaitu tahun 2025, lambat lagi. *According to planning, April 2019 first LCS physical handover*. Ada *gap capability* kerana kita terhad *combatant at the moment, three plus one* sahaja. *It is aging. In a long term, I can say it is affected, yes.*

Tuan Pengerusi: *Okay, I have two short questions. One for MinDef, the other one is for BNS.* Untuk BNS, boleh atau tidak beritahu Jawatankuasa ini, sama ada pada masa kini, ada dalam tuntutan kes mahkamah dengan mana-mana pihak, termasuk bank kah, *your* sub vendor kah, OEM kah? Itu nombor satu.

Nombor dua, MinDef, Datuk TKSU. Apabila Datuk Seri KSU hadir, beliau ada nyatakan lanjutan daripada keputusan Kabinet pada bulan Mei, beliau berkata telah mewujudkan satu jawatankuasa teknikal berkaitan pemantauan yang mana ia di-headed by the TKSU. Sama ada Jawatankuasa ini masih wujud dan sama ada masih aktif kah tidak?

Datuk Dr. Shahrizat binti Haji Ahmad: Jawatankuasa itu dipengerusikan sendiri oleh KSU sebenarnya. *[Tidak jelas]* ...masih lagi. Itulah yang *from time to time* yang saya mengadakan perbincangan dengan semua. Sekarang ini tumpuan jawatankuasa itu adalah ke arah hala tuju pemulihan.

Tuan Pengerusi: *So, BNS, on the court suit, if there is any?*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: Memang ada, Tuan Pengerusi. *In fact* sudah setahun setengah, ada *winding up petition against us* by MTU Malaysia, *the local agent*. Kita sudah dapat macam *restraining order* untuk mereka tidak

pursue kita, *but only because* kita selalu *update* yang mengatakan *Cabinet Meeting is coming up*. *But, once Cabinet Meeting is negative or no longer coming up, then of course, they would cross the line.*

Tuan Pengerusi: *How about the other vendors or OEM?* Tidak ada lagi *court suit*?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Untuk makluman Yang Berhormat, kami sentiasa membuat *engagement* secara aktif dengan semua OEM terutamanya OEM yang berada di luar negara. Mereka kebanyakan masih lagi boleh bersabar.

Tuan Pengerusi: *So, at the moment,* tidak ada lagilah?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: Tidak ada. Hanya satu yang *local* itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Tadi yang disebut oleh Encik Sharifuddin, apa nama syarikat itu?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: MTU Malaysia.

Tuan Pengerusi: MTU Malaysia. *Okay, last.* Yang Berhormat Lumut, sila.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada kementerian, kepada TKSU. Adakah kementerian berpuas hati dengan laporan oleh audit luar? *[Disampuk] Forensic audit.* Adakah mencukupi dan adakah perlu mendengar kepada beberapa pendedahan— adakah ada keperluan untuk kita melihat lebih dalam daripada segi perjalanan kewangan dalam proses pembangunan LCS ini? Ini kerana kita juga hendak tahu pelantikan-pelantikan seperti yang disebut oleh Tuan CEO tadi, oleh *previous board* tentang kontraktor-kontraktor dan sebagainya itu perlu dilihat. Adakah pandangan lain?

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Daripada segi siasatan ataupun semakan ke atas perkara-perkara yang telah lepas berkaitan dengan *governance*, pentadbiran, pengurusan kepada projek ini di dua-dua pihak, kerajaan iaitu MinDef dan juga BNS, telah pun dilaksanakan oleh Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan di bawah kerajaan. Bagi kami di MinDef, ini telah pun cukup lengkap dan kami akur akan keputusannya yang mana telah wujud daripada segi ketidakcekapan di pihak MinDef dan juga pihak syarikat. Daripada segi *governance*, tadbir urus dan kewangan, itu kami kata telah cukup lengkap.

Akan tetapi dari segi siasatan, tindakan tatatertib dan tindakan mahkamah, itu kami terpulang kepada pihak-pihak yang berkaitan.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Okey, jika tidak ada soalan lain. Tepat tiga jam. Jam 12 tengah hari. Dari pukul 9 pagi sampai sekarang.

Bagi pihak PAC, saya ucapkan terima kasih kepada Datuk TKSU yang hadir bagi pihak MinDef, Encik Sharifuddin mewakili BNS dan juga *team* bersama-sama dengan TLDM, Datuk Shaiful Adli Chung dan juga *team* yang hadir yang telah pun

memberikan satu *update* berkenaan dengan status terkini dan juga penjelasan terhadap isu-isu yang sebelum ini tidak begitu jelas dan tidak begitu nyata kepada pihak PAC.

Saya menamatkan prosiding pada pagi ini...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *Just one word.*

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Saya hendak *declare my interest as an MP for Lumut. I think this thing needs to go on. Otherwise*, teruklah orang-orang saya yang berada di Lumut ini. Rakyat Lumut ramai yang terlibat. *So, try your best.*

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad: Dalam *consideration* kami, itu yang kami fikirkan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Kalau tidak, letih saya. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih dan kita akan *proceed* untuk *second session of the day*, sesi kedua pada hari ini. Okey, sila. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.01 tengah hari]

DOKUMEN PEMBENTANGAN OLEH
BOUSTEAD NAVAL SHIPYARD
PROSIDING : BIL. 1(H)/2020



Littoral Combat Ship Programme

Presentation for PAC Visit

11 Dec 2021



By:
Programme Management Office (PMO)



Background of Boustead Naval Shipyard (BNS)

1984: RMN Dockyard

- ❖ Cost to build: RM650 mil
- ❖ Area: 42 hectare



1991: Corporatised as Naval Dockyard Sdn Bhd

- ❖ Staff: 724



2005: Taken Over by Boustead Holdings Bhd as Boustead Naval Shipyard

- ❖ Staff: 845



1995: Privatised as PSC Naval Dockyard

- ❖ Staff: 1718





Privatisation Agreement: 11 Dec 1995



Shareholding

- ❖ PSC: 40%
- ❖ Perstima: 30%
- ❖ LTAT: 15%
- ❖ Suria Barisan: 8%
- ❖ Permodalan Perak: 7%
- ❖ MoF Inc: 1 Special Share

The Status

- ❖ 12 PVs awarded (6 NGPV, 6 SGPV - LCS)
- ❖ 15 PVs yet to be awarded
- ❖ Rights Granted not revived since 2017




Investment by Consortium

- ❖ RM300 mil paid by the Consortium to GoM



Obligations by GoM

- ❖ Award of 27 Patrol Vessels (PVs)
- ❖ Rights Granted to provide scheduled maintenance to RMN's vessels





NGPV & LCS Comparison



Serie	Item	NGPV	LCS
1	Project cost	RM7.330 Bil	RM9.128 Bil*
2	Cost per ship	RM1.222 bil	RM1.521 Bil*
3	Design	 MEKO 100 	 GOWIND Variants 
4	Class of Ship	Patrol Vessel with guns only	Frigate with guns, missiles & torpedoes
5	Construction approach	2 in Germany 4 in Malaysia	All 6 in Malaysia RM10.8 Bil in offset value
6	Project period	PSC-ND : 1998 - 2006 (8 years) BNS : 2006 - 2010 (4 years)	2013 - 2023 (10 years)*

Note: *Subject to EOT



Is LCS Cost Comparable to Current Market Price?



Maharaja Lela

Malaysia
(6 Ships)

111m

3100 tonnes

Missiles

Torpedo

Guns

Sonar

RM1.968 'B /
Ship
(RM9.128 'B +
RM 2.680 'B) /
6 Ships



El Fateh

Egypt
(4 Ships)

102m

2600 tonnes


Missiles

Torpedo

Guns

Sonar

RM1.875 'B /
Ship*
(EUR375 'M in
2014)



Bani Yas

UAE
(2 Ships)

102m

2800 tonnes

Missiles

Torpedo

Guns

Sonar


RM1.875 'B /
Ship*
(EUR375 'M
in 2019)

Note:

1)* <https://www.navalnews.com/naval-news/2021/12/naval-group-launches-bani-yas-gowind-corvette-uae/>



LCS launching without Mast – Standard Industrial Practice by NG France



Maharaja Lela (Malaysia)

Launched in Aug 2017

With mast as requested by customer to give better impression & outlook

BNS utilized a temporary module to support the mast

Accusation: “wayang by BNS” to misled the public



Bani Yas (UAE)

Launched on 4 Dec 2021

Without mast

Standard industrial practice by NG France



BNS Capabilities for LCS Project

KNOWLEDGE

Programme Management

- **74** Project Management professionals
- **95%** Degree holders
- **15%** Master Degree holders
- **76 International subcontracts**
- Economic Enhancement Programme of **RM10.8 Bil** in offset value

INFRASTRUCTURE

Hardware & Software

- Infrastructures for **all weather** construction: RM122 mil
- Specific Shore Integration Facility (**SIF**) and Software Integration Facility (**SWIF**): RM305 mil
- Combat Management System: **100%**
- Combat System Engineering and Integration: **95%**

TECHNOLOGY

Design Capability

- **43** trained in France for 12 to 18 months (Core team)
- **80** trained in Malaysia (Supporting team)
- Minimum of **36 months** to build comparable skills and capabilities
- Basic Design: **100%**
- Detailed Design: **96%**

PROCESS

Construction Capability

- **211** trained staffs. 5 years involvement in LCS
- Capable to deliver construction meeting international standards
- Specialized procedures for meeting **military/NATO** standards
- Minimum of **24 months** to build comparable skills and capabilities
- **5 ships** on the production line
- 2 ships with hull already completed



ECO SYSTEM - Vendor Management

- **400+** local vendors developed
- **8,000 local employment (80% in Lumut area)**
- 6 vendors qualified to enter the **international supply chain** (RM253 mil)




RMN 15 to 5



Submarines
 $\Sigma=4$



Multi-Role Support Ships
(MRSS)
 $\Sigma=3$



Littoral Combat Ships
(LCS)
 $\Sigma=12$



New Generation Patrol Vessels
(NGPV)
 $\Sigma=18$



Littoral Mission Ships
(LMS)
 $\Sigma=18$

Total: 55 Vessels
*: Future New Constructions



Socio Economic Benefits


Economic Enhancement Programme (EEP) Contract between GOV & BNS

Contract for **RM 10.8 Billion** in offset value
(value added back to local economy)
Signed: 30 March 2018

BNS Employees	OEMs	Local Vendor
450	76	400+

Requirement for Professional Training
& Education
for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ)

Total requirement: 545 graduates
Already trained: 167 graduates




- Capability Enhancement, Maintenance and MRO
- Transfer of Technology, OJT and Training
- Local Contents, Localisation and Subcontracting
- Market Assistance and Investment
- Masters, Technical Program and R & D




PROGRESS TO COMPLETION

Design & Engineering*



Construction Progress to-date*



Overall Progress*




LCS Project's **overall progress** has reached **57%**



LCS Detailed Design – 3D Model



Compartment Integration



Interconnectivity Modelling




The Model




The First Hull




LCS Detailed Design – 3D Model




Piping liquid & air



HVAC



Electrical Cable Tray



Equipment



Pictures of Major Activities for the Construction


LCS1




Main Engine Installation



Gearbox Installation



Main equipment installed & preserved



Shafting installation



Completed hull and super structure



Launching & Naming ceremony




Pictures of Major Activities for the Construction

LCS2



Main Engine Installation



Main equipment installed & preserved



Propeller installation



Completed hull (forward section)




Aft deck with helicopter hangar




Pictures of Major Activities for the Construction

LCS3



Gearbox Installation



Generator installation



Main equipment installed before block joining



Joined hull (forward section)




Joined hull (aft section)




Pictures of Major Activities for the Construction

LCS4



Main Engine Installation



Reverse Osmosis plant installation



Chilled water plant installation



Main block erection




Main block erection



Pictures of Major Activities for the Construction

LCS5



Sub-block fabrication



Sub-block fabrication



Main block erection



Main block erection

PROFICIENT: ANYTIME, ANYWHERE & ANY-DEVICE



Tablets


Computers

Phones


Notebooks



SCREENSHOTS



Warehouses for LCS






Location 07





Location 8A





Location 11A





Location 13A





Location 13B





Location 17A





Location 18





Location 18A





Location 37



Equipment Value in Storage

Serie	Location	Equipment Value (RM)
1	07	89,146,318.83
2	08A	450,115,134.76
3	08A "aircond"	68,257,983.03
4	18	371,009,006.56
5	11A	203,315,804.48
6	13A	339,084,894.47
7	13B	17,885,317.62
8	17A	10,820,085.90
9	18A	124,755,760.79
10	25	69,134,989.05
11	37	14,265,970.53
Total		1,757,791,266.02

3 Aug 2020
Minister's
Statement in
Parliament
3 options:

- a. Build 2 Ships
- b. Let NG to take over
- c. Terminates BNS contract



(15 Nov 2020)

Defence Minister Visit to LCS Project Construction Site

7 May 2021
Minister's Press
Release on Cabinet
Decision:

Continue build 6
ships with BNS